

PERANAN WANITA DI RANCANGAN
KEMAJUAN TANAH BUKIT BADING,
TRENGGANU

Yours Truly,
Adik Kesayangan,

Oleh
No. Matrik 029191, I. Ahmad bin Radziq

Latihan Untuk Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-Syarat Untuk Ijazah
Sarjana Muda

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
SESSI 1979/80

Penghargaan

Pengkaji ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Encik Mansor Mohd. Noor, Puan Masidah Zakaria, dan Dr. Mohd. Fauzi Hj. Yaacob, selaku Pensyarah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, kerana pertolongan, galakan dan tunjuk ajar mereka yang membina dan kritis bagi menjayakan penyeliaan kajian ini.

Guru Besar Pengkaji berasa terhutang budi kepada keluarga pengkaji yang sanggup mengeluarkan perbelanjaan yang banyak serta memberi galakan dalam mengusahakan projek kajian ini di Trengganu. Atas minat yang mereka telah tunjukkan telah memberi perangsang kepada pengkaji bagi menjalankan kerja-kerja dengan sempurna dan teratur.

Pengkaji juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih dan berbangga atas kerjasama yang telah diberikan oleh peserta-peserta Rancangan yang turut membantu pengkaji menjayakan projek yang dijalankan. Antaranya pengkaji mengucapkan kebanggan kepada En. A. Razak bin Ibrahim, yang memberi dan menyediakan tempat penginapan kepada pengkaji, En. Ibrahim Yusus bin Yusuf serta isteri yang membantu pengkaji merakamkan maklumat-maklumat, En. Azizan yang selaku Pengurus Rancangan, Penolong Pengurus, serta Pegawai-Pegawai Rancangan, Puan Razimah binti Awang Ali selaku Guru Kemas, dan Puan Kak Wan Soba, Pengurus GPW di Rancangan, kerana atas usaha mereka turut membantu pengkaji mengumpulkan data dan memper-

kenalkan pengkaji kepada responden-responden.

Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada Ibu Pejabat FELDA² Kuala Lumpur; Ibu Pejabat FELDA Bukit Bading dan kakitangan-kakitangannya yang sudi membenarkan pengkaji membuat penyelidikan di kawasan yang berkenaan. Tidak lupa pula pengkaji merakamkan terima kasih dan terhutang budi kepada Guru-Guru Sekolah Kebangsaan Bukit Bading, terutama Guru Besar sekolah tersebut dan responden-responden wanita yang mengambil bahagian dalam pengumpulan data untuk pengkaji.

Perasaan kasih diberikan kepada adik Razali bin Ibrahim, dan adik Yuslina binti Ibrahim yang sedia menemani pengkaji dan menghiburkan hati pengkaji di rumah; adik Zuriana binti A. Razak, Zaidi, Awang dan adik-adik yang lain yang melayan pengkaji semasa pengkaji menginap di rumah mereka yang secara langsung merapatkan lagi tali persaudaraan mereka dengan pengkaji. Juga kepada keluarga adik-adik yang memberi perhatian kepada projek yang dijalankan oleh pengkaji.

Sekian.

²FELDA = Ahli Organisasi dalam pertubuhan seberangan sebagai jawatankuasa ringkas Menteri Kewangan Tanah.

Sinopsis.

Kajian ini melihat kepada persoalan dan perspektif Peranan Wanita Di dalam Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Untuk meneliti kaedah ini pengkaji telah menjalankan penyelidikan di kalangan wanita Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) Bukit Bading di Ulu Trengganu. Penduduknya telah terpisah jauh dari perkembangan prasarana yang lain dalam kehidupan yang serba moden. Penyelidikan juga ditumpukan untuk menerangkan norma-norma dan sikap nilai peserta wanita-wanita dalam budaya kehidupan bagi penjelasan kepada peranan wanita di dalam RKT.[#]

Data yang dikumpulkan semasa menjalankan kajian ini ialah melalui cara 'pemerhatian penglibatan diri', penggunaan soal selidik dan juga dengan menggunakan pita rakaman. Kebanyakan daripada maklumat-maklumat dikumpulkan di Pejabat RKT, Bukit Bading; Pusat GPW (Gerakan Perkumpulan Wanita) dan di Kelas Rakyat (ugama) dan telah diperiksa serta disahkan melalui lawatan ke beberapa kawasan dan Peringkat-Peringkat di dalam RKT itu.

Untuk mengesahkan keunggulan dan kesahihan peranan yang dimainkan oleh wanita RKT, faktor-faktor kepimpinan,

[#]RKT = Akan digunakan dalam perbincangan seterusnya sebagai merujuk kepada ringkasan Rancangan Kemajuan Tanah.

pelajaran, keugamaan dan perkerjaan telah dipilih bagi penilaian mengikut kegiatan dan fungsi wanita-wanita di dalam masyarakat itu. Misalnya dari segi peranan, wanita dan lelaki adalah sama-sama berusaha dan bergiat. Penglihatan ini didasarkan kepada fakta bahawa di dalam organisasi sosial dan politik masyarakat RKT ini, tidak terdapat pengecualian hak dalam penglibatan. Kebiasaan kaum lelaki memegang pucuk pimpinan rumah tangga, tetapi kaum wanita juga dapat mengisi peranan itu. Dari segi keugamaan dan adat istiadat mereka bersama-sama menjayakannya.

Hasil daripada penyelidikan ini telah menunjukkan bahawa wanita RKT menduduki tempat yang sama unggulnya di sisi adat, dan bergandingan bahu bersama kaum lelaki dalam semua aspek kehidupan.

Konsep persamaan hak, tetap juga kekal. Penerimaan kepada perubahan seperti pelajaran secara formal telah melibatkan kedua-dua pihak, lelaki dan wanita. Dengan itu anak-anak perempuan tidak lagi dikenakan tekanan untuk menumpukan masa hidupnya di rumah sahaja. Mereka digalakkan mengejar ilmu dan bekerja di luar rumah atau Rancangan untuk menjamin masa depan mereka. Penerimaan ini tidak memusnahkan nilai-nilai asas masyarakat itu, sebaliknya secara ianya telah menyedarkan sedikit sebanyak akan pemikiran tradisi orang-orang tua mereka.

Walaupun Trengganu merupakan sebuah negeri yang sedang maju, wanita RKT tidak ketinggalan dalam menyumbangkan tenaga bagi kemajuan negeri Trengganu khasnya dan negara Malaysia, amnya. Melalui tanggungjawab dan keupayaan mereka, wanita-wanita ini membantu menggerakkan aktiviti ekonomi negara dan terus menyokong kemajuan negeri kita, dalam bentuk tenaga.

BERSAMA SAHABAT

BERSAMA JAHAN

DAFTAR BABY	viii
DAFTAR JAHAN	x
DAFTAR MASYARAKAT	1
Penuturans	1
Tajuk Tajuk	4
Maklumat Tajuk	6
Maklumat Tajuk	9
Maklumat Tajuk	13
Maklumat Tajuk	18
DAFTAR KAJIAN	25
Lembah Sungai	25
Kawasan kajian penelitian	29
Maklumat penelitian (penulis masing-masing)	37
DAFTAR Sumber dan Pustaka	40
Penerjemah Bahasa Jawi dan Jawi	41
Maklumat Bahasa dan Pustaka	46
Pustaka Penelitian (Bersiri) dengan Ciri-ciri Masing-masing	47

KANDUNGAN

	<u>Halaman</u>
PENGHARGAAN	iii
SINOPSIS	v
KANDUNGAN	viii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI JADUAL	x
BAB I - PENGENALAN	1
Pendahuluan	1
Tujuan Kajian	4
Bidang Kajian	6
Metodologi Kajian	9
Masalah Kajian	13
Penulisan-Penulisan Awal	18
	109
BAB II - LATARBELAKANG	25
Latarbelakang tempat	25
Latarbelakang penerokawati	29
Matlamat penerokawati (peserta rancangan)	37
5. Daftar Sosioligik	37
BAB III- WANITA DAN RUMAH TANGGA	40
Peranan Isteri Dalam Rumah Tangga	41
Hubungan Isteri Dan Keluarganya	46
Hubungan Penerokawati (Isteri) Dengan Jiran Tetangga	47

Perkahwinan Dan Penceraihan Wanita Rancangan	50
BAB IV - STRUKTUR SOSIAL DAN ORGANISASI	56
Peranan Wanita Dalam Pembangunan	57
i) Ekonomi	58
ii) Sosial - Pelajaran Dan Pendidikan	62
Wanita Dan Kesihatan	66
Institusi Wanita - GPW	76
Konflik Penerokawati	84
BAB V - POLITIK DAN KEPIMPINAN	90
Kedudukan Wanita (Status)	91
Wanita Dan Politik	95
Struktur Kepimpinan Penerokawati	100
i) Kepimpinan Peringkat	102
ii) Kepimpinan Blok	105
BAB VI - KESIMPULAN	109
BIBLIOGRAFI	114
LAMPIRAN:	
1. Kawasan Perkampungan FELDA	117 a
2. Pete Kawasan	117 b
3. Daftar Soalselidik	117 c

Senarai Rajah

Halaman

Rajah I :	Kedatangan Ibu Mengandung	71
Rajah II :	Bidan : Bilangan Lawatan	72
Rajah III :	Perancang Keluarga Klinik Desa	74
Rajah IV :	Kekerapan Kunjungi Klinik	75
Rajah V :	Perbidenan Dalam Kawasan Operasi	76
Rajah VI :	Struktur Kepimpinan Wanita Rancangan	102

Senarai Jadual

Jadual 1 :	Tempat Asal Penarokawati	32
Jadual 2 :	Bilangan Anak-Anak Responden	33
Jadual 3 :	Pekerjaan Asal Penaroka	33
Jadual 4 :	Pendidikan Dan Peratus Buta Huruf	36
Jadual 5 :	sebab-Sabab Memasuki Tanah Rencangan	38
Jadual 6 :	Aktiviti Ekonomi Suri Rumah tangga	44

Baris dalam jadual permen aktiviti-aktiviti wanita di dunia ketika mereka dilaksanakan dalam kategori "Women's Liberation". Kategori ini dibentukkan buat lawi di mana dia

BAB I

Keseluruhan masyarakat wanita.

PENGENALAN

Dalam kali ini, berangkat perkenan yang jalan Latihan ilmiah ini merupakan satu kajian ke atas masyarakat wanita di Rancangan Kemajuan Tanah Bukit Bading iaitu salah sebuah daripada rancangan-rancangan yang telah dibuka dan dimajukan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan di negeri Trengganu. Sebagai satu kajian yang ringkas ianya tidaklah melihat keseluruhan masyarakat itu, tetapi sebaliknya membuat penekanan dan tumpuan terhadap peranan wanita di dalam masyarakat itu. Dan juga melempar dengan lebih kritikal perbezaan persepsi yang sejak dahulu lagi tidak tepat mengenai peranan wanita.

Pendahuluan

Untuk memahami secara ringkas mengenai hubungan manusia di dalam sesuatu budaya, adalah mustahak mempelajari peranan ahli-ahlinya dan menilai akan kekesanannya peranan itu ke atas masyarakat yang berkenaan. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk melihat peranan yang dimainkan oleh wanita-wanita RKT melalui pengkajian ke atas penduduk-penduduk RKT Bukit Bading, Trengganu.

Persoalan kepada peranan aktiviti-aktiviti wanita di dunia Barat adalah dilihat dalam Pergerakan "Women's Liberation". Kenyataan ini ditekankan hari ini di mana issu-

isu yang sama dikemukakan oleh wanita-wanita yang menuntut hak-hak kaum wanita.¹

Dalam hal ini, terdapat perbezaan yang jelas antara peranan dan kegiatan wanita di Barat iaitu terdapat tuntutan untuk peluang atau hak yang sama kepada lelaki dan perempuan. Dalam keadaan sebenarnya, persamaan itu tidak seratus peratus tercapai.

Walaupun ketidak-samaan hak telah ujud di negara Barat, sarjana-sarjana Barat telah mendapati keadaan yang berbeza di sebelah Timur ini. Seperti kata seorang sarjana Jepun:

".... it shows that women occupy leading positions in government, business, and other professions."²

Kemajuan sains dan teknologi telah membasmikan masyarakat yang buta huruf. Sebelum masyarakat di pendalaman ini menikmati hidup yang serba moden maka adalah penting untuk mencatatkan segala budaya hidup mereka sebagai satu warisan. Oleh itu cara hidup penduduk-penduduk di Tanah Rancangan Bukit Bading, terutamanya di kalangan wanita, dapat

1. Newland, Kathleen., Women In Politics: A Global View, Worldwatch Institute, Washington, D.C., 1975. m.s 19-21

2 Takashi Koyama, The Changing social Position Of Women In Japan, Paris 1961. m.s.

dijadikan contoh penyelidikan yang penting. Ini bertujuan untuk mengesahkan norma-norma yang membenarkan atau tidak kepada wanita-wanita RKT di penempatan baru itu untuk memainkan peranan penting seperti kaum lelaki. Selanjutnya pengkajian ini membezakan antara peranan dan kegiatan wanita-wanita itu dalam masyarakat RKT.

Kaum wanita, umumnya, telah menuntut tahun 1975 sebagai 'Tahun Wanita Antarabangsa'. Melalui pengisytiharan ini secara negatifnya pula telah memberikan pandangan bahawa di tahun-tahun sebelumnya sehingga tahun 1974, kaum wanita telah tidak diberi hak persamaan sebagai sepenuhnya. Dan secara spekulatif, di tahun-tahun yang akan datang kaum wanita akan menikmati hak-hak dan peluang-peluang yang sama mengikut hak asasi manusia.

Sebelumnya, manusia tidak sedar akan keujudannya sehingga ia mengalami sesuatu keadaan yang sempit. Begitulah juga dengan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak akan memberi pengisytiharan sedemikian bagi menyokong kaum wanita sekiranya ia tidak dituntut oleh lebih 61% daripada jumlah penduduk dunia - kaum wanita.³

³ Magdalena A. Villaba-Cue., The Mission Of Women, A Return To Their Original Role, Manila. University of Santo Tomas, 1975. n.s. 1

Tujuan pengkaji bukanlah untuk mengucapkan syabas kepada kaum wanita atas kejayaannya, dan nasib malang bagi kaum lelaki, tetapi apa yang dilihat oleh pengkaji pada tema asas Tahun Wanita Antarabangsa 1975 itu ialah 'Persamaan, Pembangunan, dan Keamanan' (Equality, Development, Peace). Persamaan bertunjangkan atas persamaan hak kaum lelaki dan perempuan; kemajuan, kepada sumbangan wanita ke arah pembangunan negara dan bangsa; dan keamanan, untuk pertubuhan wanita dalam menjamin keamanan antarabangsa.

Tujuan Kajian

Pada keseluruhannya kajian ini menitik beratkan penyesuaian ekonomi, politik dan sosial di kalangan anggota-anggota wanita RKT Bukit Bading. Oleh kerana Rancangan Kemajuan Tanah dan Penempatan Peneroka yang dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ini merupakan salah satu usaha pihak kerajaan untuk mengubah cara hidup penduduk-penduduk luar bandar, dan ianya juga merupakan satu daripada aspek berubahan berancang yang terkandung di dalam Rencangan-Rencangan Malaysia, maka kajian seperti ini adalah penting untuk melihat dan menilaikan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai di kalangan wanita-wanitanya yang telah bermastautin di rancangan RKT lebih kurang 10 tahun itu.

Seperti yang telah dinyatakan di atas bahawa kajian ini telah menumpukan perhatian kepada peranan wanita di

Rancangan Kemajuan Tanah Bukit Beding, Trengganu. Beberapa tujuan mengapa kajian ini dijalankan ialah:-

- i) Untuk melihat apakah peranan yang telah dimainkan oleh kaum wanita di RKT.
- ii) Melihat sama ada kaum wanita dapat memberikan sumbangan yang besar kepada pembangunan di RKT di dalam kegiatan-kegiatan sosial, ekonomi dan politik.
- iii) Pengkaji juga telah cuba mengesan apakah ujudnya persamaan atau pun perbezaan peranan di antara kaum wanita dan kaum lelaki di RKT. Pengkaji juga telah membuat satu andaian mengenai kenyataan apakah peranan wanita cuma terhad di rumah tangga sahaja.

Di samping keperluan membuat latihan ilmiah, peninjauan telah dibuat ke atas kegiatan wanita di dalam RKT, Bukit Beding dengan tujuan agar hasil yang diperolehi dari kajian itu dapat menampung kekurangan pengetahuan tentang kedudukan dan peranan kaum wanita dalam RKT khasnya, dan wanita keseluruhan secara amnya.

Kajian ini memperlihatkan sejauh manakah kecergasan wanita di dalam aktiviti-aktiviti harian mereka terutama di dalam bidang ekonomi, sosial dan politik. Adakah mereka turut bertungkus lumus, bergiat di samping suami mereka

sebagai pembantu untuk menambahkan pendapatan harian mereka atau pun mereka menyerahkan segala tanggungan kepada suami mereka sebagai punca nafkah hidup. Seterusnya, gambaran yang lebih dekat telah dapat dilihat tentang masalah harian yang menggalakkan atau menghalang kaum wanita bergerak cergas dalam bidang-bidang yang dicadangkan. Dengan ini dapatlah kita menafikan atau sebaliknya mengakui tentang kenyataan umum yang mengatakan bahawa peranan kaum wanita adalah terhad dan hanya layak bergerak di dalam lingkungan rumbah tangga mereka sahaja.

Dari segi kepimpinan pula penumpuan telah dibuat ke atas wanita RKT iaitu apakah sesuatu "hak Keputusan" itu juga diberikan kepada kaum wanita atau hanya terhad kepada kaum lelaki sahaja. Telah juga diteliti kegiatan-kegiatan wanita di RKT dengan ditekankan kepada perubahan sosial, cara hidup, gaya hidup serta sikap dan nilai wanita-wanita di RKT Bukit Bading. Perbandingan telah dibuat tentang kegiatan-kegiatan wanita di peringkat sebelum mereka datang ke Tanah Rancangan dan selepas mereka memasuki Tanah Rancangan.

Bidang Kajian

Kajian ini menumpukan perhatian kepada peranan wanita dan aktivitinya di Tanah Rancangan Bukit Bading. Pengkaji telah memberatkan kajian ke atas isteri-isteri peneroka dengan menghuraikan latarbelakang tempat dan latarbelakang

kumpulan yang dikaji. Pengkaji telah membuat pemilihan responden berdasarkan kepada Peringkat-Peringkat yang terdapat di dalam RKT Bukit Beding. Tujuannya ialah untuk memperolehi jawapan kepada soalan-soalan yang telah disediakan oleh pengkaji. Dalam usaha ini seramai 80 orang wanita telah dipilih sebagai responden kepada pengkaji. Ianya telah meliputi isteri-isteri peneroka semua Peringkat meliputi Peringkat I, II, III, dan IV yang telah dipilih sebagai mewakili seluruh isteri-isteri yang lainnya di RKT Bukit Bading.

Aspek-aspek yang telah ditekankan ialah peranan kaum wanita di dalam bidang ekonomi seperti pekerjaan, pendapatan serta kehidupan. Juga penekanan dibuat ke atas aspek politik yang merangkumi bidang kepimpinan dan pentadbiran. Serta ditekankan juga aspek sosial yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti rumah tangga, pelajaran, kesihatan dan sebagainya. Dalam hal ini, pengkaji telah meninjau bentuk-bentuk aktiviti yang dijalankan oleh wanita-wanita RKT sama ada aktiviti mereka di ladang atau di rumah. Bagaimana mereka membahagikan masa dan menggunakan masa itu dengan sepenuhnya. Ini mengikut kepada apakah jenis-jenis kerja yang dilakukan oleh wanita Tanah Rancangan dalam sumbangannya membantu kehidupan keluarga mereka.

Seterusnya pengkaji telah membuat penutupan ke atas keseluruhan wanita-wanita RKT Bukit Bading dengan penelitian dibuat ke atas bentuk famili, aktiviti-aktiviti per-

kumpulan wanita, dan sumbangannya kepada FELDA[†] Bukit Beding khasnya, dan negara amnya. Di sini juga telah diperhatikan sama ada susun-lapis masyarakat telah ujud atau tidak di kalangan wanita dalam kawasan itu.

Penekanan selanjutnya ialah ke atas 'Perubahan Berancang' dalam aspek kehidupan yang telah dialami oleh wanita di RKT ini secara keseluruhannya. Dan telah dilihat apakah berlaku perubahan dalam kehidupan mereka sama ada meningkat lebih tinggi dan lebih baik dari masa sebelumnya atau masih lagi rendah kedudukannya setelah berpindah dan memasuki RKT berbanding dengan tempat asal.

Achirnya, pengkaji telah menghuraikan pula implikasi yang berbangkit dari perubahan-perubahan yang dialami oleh wanita-wanita RKT Bukit Beding. Persoalannya, apakah ujud konflik antara perkumpulan wanita itu dan juga apakah ujud suasana yang berkaitan dengan kekeluargaan akibat dari mobiliti yang dibawa oleh FELDA sebagai sebuah agensi pembangunan. Di sini telah dapat dibuat penentuan kepada kesan pembawaan RKT sama ada merenggangkan atau merapatkan hubungan kekeluargaan wanita RKT dengan tempat asal atau dengan kawasan luar.

*FELDA - Merujuk kepada Federal Land Development Authority atau Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

Metodologi Kajian

Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan metode atau cara kajian kes. Satu kajian kes didefinasikan sebagai kajian yang tidak mempunyai teknik yang khusus. Ia adalah satu cara mengorganisasi data untuk melihat pendekatan sesuatu yunit sosial yang dikaji.⁴

Sebelum itu, pada 12hb. Februari, 1979, pengkaji telah pergi ke Bukit Bading untuk meninjau aspek-aspek yang hendak dikaji sebelum membuat questionnaire. Di sana pengkaji telah menemui Pengurus Rancangan. Dalam pertemuan itu pengkaji telah membincangkan perkara-perkara penting mengenai sejarah RKT Bukit Bading serta kegiatan-kegiatan wanita di Rancangan. Juga pengkaji telah meminta keiginan menetap di Rancangan serta bantuan kerjasama untuk mendapatkan seberapa banyak maklumat serta data-yang diperlukan dari pihak Pejabat. Dengan dibantu oleh seorang peserta Rancangan, pengkaji telah menemui wakil-wakil responden yang terdiri daripada Ketua-Ketua Blok Wanita dan wakil-wakil mereka dalam Pergerakan GPW.

Seperti yang dimaklumi, kajian ini merupakan penyelidikan ke atas peranan-peranan yang dimainkan oleh

⁴Moser, G., & Kalton, G., Survey Methods In Social Investigation, London. 1971 (ed) m.s. 56.

wanita-wanita di Rancangan Kemajuan Tanah. Walaupun begitu, kajian ini tidaklah dapat mewakili semua golongan wanita-wanita di Semua Rancangan Kemajuan Tanah di negara ini. Ini disebabkan adanya pemilihan (selection) terhadap wanita yang dijadikan sebagai informen.

Kajian bermula pada awal tarikh, ihb. Mac, 1979. Informen-informen yang dipilih dan ditemuduga berjumlah 80 orang dan pemilihan ke atas mereka adalah dilakukan secara rambang (sample random). Maksudnya, pengkaji menyediakan rangka sample (sample framework) yang mengandungi senarai nama-nama wanita yang hendak dikaji. Kemudian dengan menggunakan kaedah loteri, nama wanita-wanita yang hendak dijadikan informen yang berjumlah seramai 80 orang itu diasangkan. Dari mereka pengkaji memperolehi data yang dikehendaki.

Jadual dan soal selidik merupakan dua alat penting kepada pengkaji dalam mengkaji dan mendapatkan data. Keadaan bentuk keduanya adalah serupa.

"The two forms obviously have much in common, particularly the fact that in both cases the wording of the questions is the same for all respondents".⁵

⁵Goode, W., & Hatt, P., Methods In Social Research, Mc Graw Hill Book Co., New York, 1952 m.s. 133.

Jadual dan soal selidik ialah tindakan pengkaji menyoal soalan-soalan yang disediakan dan kemudiannya mencatit sendiri jawapan-jawapan yang diberikan oleh responden kepada pengkaji. Hampir keseluruhan temuramah yang diadakan dengan para penerokawati dilakukan oleh pengkaji sendiri dan ini juga dapat mengelakkan informan daripada salah faham terhadap soal selidik dan kajian yang disediakan. Bagi soal selidik, jawapan-jawapan yang diperolehi diisi oleh isteri pengkaji yang turut sama membantu bagi menyiapkan dan memudahkan perlaksanaan kerja-kerja pengkaji.

Soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji pada informan terdiri dari dua bentuk iaitu soalan 'structured' atau soalan tertutup dan 'unstructured' atau soalan terbuka. Soalan tertutup ialah, mengikut Festinger dan Katz sebagai:-

".... the possible responses are contained in the question so that the respondent merely has to select the category which comes closest to his position".⁶

Manakala soalan terbuka pula adalah:-

".... one in which the topic given is structured for the respondent but he

dijelaskan oleh instrumen, mananya responden boleh memilih.

⁶Festinger & Katz (1953)., Research Methods In The Behavioural Sciences., Holt, Rinehart and Winston Inc. USA m.s. 351.

⁷Ibid., m.s. 351.

... is given the task of answering in his own words, structuring answers as he sees fit and speak at whatever length..."⁷ (cont.).

Untuk melengkapkan lagi data, pengkaji telah menemu Pengurus Rancangan, Penolong Pengurus, Pegawai-Pegawai Rancangan, Bidan Rancangan, dan Guru-Guru di Rancangan serta ahli-ahli jawatankuasa badan-badan sosial yang terdapat di Rancangan. Dengan menggunakan teknik-teknik inilah pengkaji telah dapat memahami dan mengalami butir-butir tentang perhubungan sosial, cara hidup, sikap dan nilai responden-responden, umumnya corak kehidupan kumpulan sosial yang dikaji.

Perbualan-perbualan secara spontan dan informal (secara tidak langsung) juga diadakan antara pengkaji dengan responden-responden di rumah-rumah, di ladang-ladang, di pertunjukan wayang gambar (2 kali), klinik bidan, bilik Pertubuhan GPW dan juga perbualan dengan pekedai-pekedai wanita di Gerai-Gerai FELDA mereka. Dari maklumat-maklumat penting yang bukan sahaja menggambarkan keadaan hidup responden, pengkaji juga telah memperolehi dan mengetahui sedikit sebanyak sikap dan nilai mereka terhadap Rancangan Pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan, khasnya Rancangan Tanah sendiri. Segala data dan maklumat-maklumat hasil kutipan ini dikumpul-

⁷ Ibid., m.s. 351

Ibid., jauh yang tepat boleh membuktikan halaman yang dicantik. Jadi proses dan teknik dijalankan dengan teliti dengan pertolongan dari seorang Penyanyi.

kan dan dibandingkan dengan keterangan-keterangan dari Pegawai-Pegawai Rencangan dan peserta-peserta lelaki (suami).

Data lain yang digunakan oleh pengkaji ialah dari dokumen-dokumen bertulis Ibu Pejabat FELDA Pusat, Ibu Pejabat FELDA Rancangan, dan buku-buku bacaan seperti Lapuran-Lapuran Tahunan LKTP, Keratan-keratan Surat Khabar, serta beberapa buah buku latihan ilmiah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya. Data-data yang diperolehi inilah yang diinterpretasikan, diterapkan dan seterusnya disusun untuk memberikan jawapan kepada penghuraian kajian ini.

Masalah Kajian

Dalam usaha pengkaji menyiapkan kajian ini bertbagai masalah dan kesulitan telah berbangkit bermula dari persedian pengkajian, pengutipan data, dan akhirnya penyediaan laporan kajian.

Di peringkat permulaan pengkajian ini, pengkaji telah menghadapi kesulitan dalam menyediakan schedule dan questionnaire. Penulis mengambil masa lebih kurang dua minggu untuk menyediakan kedua-duanya dengan kemas dan mengandungi lebih daripada 50 soalan. Ini disebabkan pengkaji harus menyusun dan mengatur soalan-soalan itu dengan sistematik agar ia dapat mengungkil jawapan yang tepat tanpa menimbulkan keraguan dipihak yang discaal. Jadi proses ini telah dijalankan dengan teliti dengan pertolongan dari seorang Pensyarah

yang menjadi Pengawas sementara kepada pengkaji.

Seterusnya pengkaji mengalami kesulitan dalam memperkenalkan diri kepada responden-responden. Ada yang menganggap diri pengkaji sebagai pemeriksa bil air atau bil elektrik. Tidak kurang pula yang menyatakan pengkaji ialah seorang Pegawai Benci yang dihantar oleh kerajaan untuk membenci penduduk serta pemilikkan harta benda peserta-peserta rancangan. Dan ada yang menganggap pengkaji sebagai ajen pihak Lembaga Kemajuan Tanah atau ajen kerajaan. Mereka kelihatan ragu-ragu dalam memberikan jawapan dan kadang-kadang jawapan mereka tidak tepat atau tidak sesuai, seolah-olah mereka bimbang jawapan itu akan memberi kesan terhadap kehidupan mereka. Oleh itu pengkaji terpaksa menjelaskan tujuan kedatangannya serta tujuan kajian ini dijalankan.

Juga masalah lain yang timbul ialah dalam mendapatkan kerjasama secara resmi daripada pihak responden. Hal ini jelas kedapat dari jawapan-jawapan yang diterima untuk soalan-soalan tentang peribadi seperti mengenai pendapatan, tabungan atau harta benda. Misalnya soal pendapatan pada masa kajian ini dibuat, pendapatan peneroka adalah di peringkat meleset berikut dengan pengeluaran kelapa sawit yang menurun serta harga yang tidak menggalakkan. Sungguhpun pendapatan mereka dapat dirujukkan kepada buku kira-kira pendapatan di Pejabat, tetapi, data pendapatan itu tidak tepat kerana ada di antara responden yang mempunyai punca

pendapatan dari luar.

Seterusnya orang-orang Melayu sememangnya mempunyai sifat perasaan malu terhadap tetamu mereka. Keadaan ini lebih ketara apabila responden itu terdiri daripada golongan wanita. Kerana "malu" maka responden-responden itu agak keberatan untuk memberikan jawapan yang menyentuh tentang kekeluargaan dan pelajaran. Pada anggapan mereka, pengkaji tentunya datang dari orang-orang yang berkedudukan tinggi dan tambahan pula responden-responden itu terdiri dari kalangan yang tidak berpelajaran serta miskin pula.

Terdapat pula responden-responden yang dipengaruhi oleh ahli-ahli keluarga seperti suaminya serta anak-anak lelaki yang menentukan jawapan-jawapan kepadanya. Gangguan-gangguan ini telah menyebabkan pengkaji mendapat data yang samar-samar. Oleh itu pengkaji terpaksa pula membuat penyelidikan yang berasingan ke atas responden-responden yang sama di lain-lain masa yang sesuai untuk memperolehi data yang tepat. Disebabkan itu pengkaji telah kerugian masa yang amat diperlukan untuk kelincinan pengkajian itu.

Semasa penganalisan data, penulis telah menemui kesulitan dalam memproses soalan-soalan terbuka, terutamanya soalan-soalan yang berkaitan dengan sikap iaitu misalnya soalan yang bertujuan mengesan sikap wanita terhadap temasya sosial dan sikap terhadap pemilihan pasangan hidup. Antara

jawapan-jawapan yang pengkaji temui ketika bertanyakan tentang 'pasangan hidup' adalah seperti "Ah! Itu soal peribadi, saya fikir tak payahlah saya menjawapnya".

Bagi soalan yang memerlukan pendapat (opinion questions) yang menyentuh sikap responden, pengkaji terpaksa membuat 'pemeriksaan ulangan' dengan Pegawai-Pegawai Rancangan dan Ketua-Ketua Badan-Badan Sosial. Ini perlu dilakukan kerana kadang-kadang terdapat pertentangan di antara jawapan-jawapan yang diberikan oleh responden dengan perkara yang sebenarnya.

Pengkajian yang dijalankan ke atas kaum wanita di RKT Bukit Badung memakan masa hampir 2 bulan. Pengkaji telah menjalankan kajian perseorangan dan cuma sekali sekala dibantu oleh isteri pengkaji. Tetapi masalah lain yang dialemi oleh pengkaji ialah masalah penginapan dan makanan. Pengkaji telah menginap di sebuah rumah yang pengkaji kenali tetapi terpaksa pula makan di rumah jiran sebelah. Hal ini disebabkan isteri tuan rumah yang pengkaji tumpangi itu akan bersalin dalam beberapa hari lagi.

Kesulitan yang lain yang dihadapi oleh pengkaji secara sampingan ialah tabiat peneroka-peneroka lelaki dan belia-belia yang memandang serong terhadap pengkaji. Oleh kerana pengkaji seorang lelaki dan responden yang ditemui pula terdiri dari kalangan wanita maka banyaklah persepsi yang timbul terhadap pengkaji. Tetapi perkara ini telah dapat di-

Iuputkan dengan kerjasama dari salah seorang peneroka yang sanggup menerangkan kepada peneroka-peneroka lelaki dan belia-belia tadi akan kedudukan pengkaji yang sebenar. Akhirnya kesulitan-kesulitan di dalam kajian dapat diatasi dengan adanya kesempatan pengkaji untuk membuat 'pemeriksaan ulangan' mengenai maklumat-maklumat yang penting serta juga dengan pertolongan Pegawai-Pegawai Rancangan, dan diatas daya usaha dari pihak Jabatan FELDA (Ibu Pejabat) di Jalan Gurney, Kuala Lumpur.

'Apakah perananmu? Dan apa maklumatmu?'

Simpakn wanita?

Walaupun peranmu bukanlah memberikan penjelasan mengenai wanita sebenarnya. Maka dari tuai kejadian manusia (Tuah Atas) yang dikarunia oleh Allah, dan untuk memperbaiki hidup manusia itu maka diajarkan pada manusia manusia yang berasal dari corak bentuknya bagi manusia manusia pertama (Tuah Atas). Manusia ini lah yang dibentuk manusia (wanita) sekarang ini,

... dan wanita dibentuk dengan bentuk badan yang hasil sedikit beripada badan lelaki, kerana dia telah diturunkan untuk menjadi ibu kepada manusia. Oleh kerana itu wanita telah dibentuk dengan teladan yang angkuh-angkuh sehingga dia boleh menjadi ibu kepada bayi-bayi yang tidak berkesan dan tidak bertemu. Wanita telah dibentuk dengan tujuan yang besar dan baik, supaya dapat menyamb-

Penulisan-Penulisan Awal

Istilah wanita mungkin kelihatan mudah dari segi fahamannya, tetapi seperti pengiktirafan sosiologikal yang lain, ianya begitu menyulitkan. Sebahnya kalau kita ingin menganalisa makna-makna di sebalik perkataan enam huruf itu, kita akan dapat memenuhi dan menghabiskan bermuka-muka lembaran nuka surat sebuah buku. Lanjutan dari itu akan menimbulkan pula soalan-soalan seperti:-

'Apakah peranannya? Dan apakah matalamatnya?'

Siapakah wanita?

Tiada seorang pun yang dapat memberikan penjelasan siapa itu wanita sebenarnya. Dilihat dari awal kejadian manusia (Nabi Adam) yang dijadikan oleh Allah, dan untuk kesempurnaan hidup manusia itu maka diujudkan pula seorang manusia yang hampir-hampir serupa bentuknya bagi membantu manusia pertama tadi (Nabi Adam). Manusia inilah yang dinamakan wanita (Hawa) sekarang ini.

Kaum wanita dijadikan dengan bentuk badan yang kecil sedikit daripada kaum lelaki, kerana dia telah ditentukan untuk menjadi ibu kepada manusia. Oleh kerana itu kaum wanita telah diberikan dengan kelembutan anggota-anggota sehingga ia boleh menjadi teman kepada bayi-bayi yang tidak berkemampuan dan tidak bertenzga. Mereka telah dikurniakan dengan kulit yang lembut dan licin, supaya dapat menyesuai-

kan dirinya dengan kelembutan kulit bayi yang baru lahir. Diberi dengan suara yang benar-benar lunak agar suaranya dapat menjadi nyanyian kepada pendengaran bayi. Mereka juga telah dikurniakan dengan gerakan hati di mana dengan mudah ia dapat menerima segala kebenaran dan menyampaikannya kepada kanak-kanak yang sedang berkembang. Dari pada tugas dan tanggung-jawabnya sebagai seorang ibu inilah maka lahirnya tugas sebagai pengurus rumah tangga.

Bermacam-macam pendapat diberikan oleh ahli-ahli falsafah tentang siapakah wanita ini dan bagaimanakah yang sebenarnya wanita itu?

Di antaranya mereka berpendapat:-

1. Wanita ialah mereka yang mempunyai perhiasan di dada, berambut panjang, memakai pakaian perempuan, licin dan halus kulit mulanya (dengan tiada misai dan janggut).
2. Wanita ialah orang yang boleh menjadi penghibur dalam penghidupan sehari-hari, sesuai pula tingkah lakunya yang menarik dan gerak gerinya yang lemah lembut.¹

Tetapi segala-gala pendapat tadi telah bertentangan (berlawanan) pula dengan pendapat ahli-ahli biologi, dan juga

¹ Ahmad Azam, Jiwa Perempuan, Persama Press, Pualau Pinang. 1958. m.s. 4.

orang-orang yang menyelami sedalam-dalamnya falsafah pembiasaan keturunan. Kerana kalau hanya menurut pengertian tersebut maka tersangat banyaklah definisi 'wanita' di dunia ini, sebab selalu terdapat juga lelaki yang memakai dan berhias secara wanita, bahkan ada pula yang lebih cantik dan lebih menarik daripada wanita. Dan bukan sedikit pula yang telah bersengaja melicinkan kulit mukanya dengan memakai alat-alat solek.

Oleh itu menurut pengertian yang sebenarnya, pada pendapat saya, bahawa perempuan atau wanita itu ialah sejenis makhluk manusia yang ada mempunyai perkakas-perkakas pengembang keturunan yang terdiri daripada kehormatannya — gerbang tempat melahirkan kandungannya.

Begitu juga lengkap mempunyai sifat-sifat secara kewanitaan, bentuk tubuhnya, perhiasan dadanya dan rambutnya, rupa parasnya, seterusnya segala gerak gerinya adalah sengaja dijadikan Tuhan untuk mengembangkan keturunannya. Inilah pandangan yang agak sesuai bagi istilah wanita.

Alam semulajadi telah menetapkan bahawa kaum lelaki dan wanita mesti hidup bersama dan sekiranya perhubungan itu kekal, setiap dari mereka harus mengetahui apakah yang dikhendakki oleh satu-satu pihak yang lain. Ianya merupakan faktor saikologikal bahawa seseorang hanya boleh menghendaki perkara kebaikan yang tidak dimilikinya. Justeru dari pem-

kiran ini, wanita, dengan yang demikian, harus memiliki sesuatu yang hanya dapat dipunyainya dan lelaki pula memiliki sesuatu yang harus dipunyai oleh lelaki.²

Di dalam buku, The Mission of Women, A Return To Their Original Role; menyatakan di sinilah pula dikaitkan fungsi biologikal, dan bersamanya, ke semua nilai-nilai dan peribadi sepertinya menunjukkan wanita itu lemah lembut, cantik dan pasif. Sementara pihak lelaki pula, berwatakannya gagah, tegap dan agressif. Dalam kontek inilah wanita merupakan sebahagian dari lelaki, dan lelaki pula sebahagian dari pada wanita.³

Buku yang ditulis khas untuk kaum wanita di Filipina ini lebih banyak membincangkan tentang asas pergerakan politik dan perkembangannya di Filipina. Pengarang seolah-olah menuntut pada dunia antarabangsa akan hak-hak wanita untuk bergiat di samping kaum lelaki.

Berkurun-kurun lamanya, dunia ini dijadikan alam lelaki dan rumah sebagai alam wanita. Kata-kata demikian

² Lihat Casgrain, Therese F., A Women In A Man's World, No. Cileland & Stewart Ltd., Toronto, Canada. 1972 m.s. 11-17.

³ Magdalena A. Villaba-Cue, The Mission Of Women, A Return To Their Original Role, University of Santo Tomas, Manila. 1975 m.s. 9.

bukanlah satu penghuraian tetapi adalah satu kenyataan. Ahli Sosiolegi, Chester L. Hunt telah membuat komen mengenai pembangunan dan kaitannya dengan wanita. Dikatakannya bahawa, di kebanyakan kawasan atau tempat di dunia proses pembangunan adalah dilihat sebagai projek pihak lelaki di mana pihak wanita hanya diberi tugas sampingan sahaja. Tambah beliau bahawa:

".... development represents an effort to bring the male part of the world into the twentieth century leaving most of the women in the restricted culture of the previous era". (Hunt, 1966. 20).⁴

Semenjak Hunt membuat kenyataan tersebut, pelbagai usaha telah dijalankan untuk menyerapkan wanita di dalam rancangan-rancangan pembangunan. Salah satunya ialah penyerapan tenaga wanita di dalam Rancangan Kemajuan Tanah di Bukit Badung, Trengganu. Meskipun begitu, peranan yang dimainkan mereka hanyalah merupakan peranan sampingan sahaja demi untuk memperlihatkan daya usaha kerajaan yang telah menjalani percubaan itu. Dari petikan:-

"It is also taken for granted by the planners that all land development schemes to be undertaken by the Federal and State Governments in Malaysia are directly programmed for men with the women only "indirectly" involved as the "wives" of the settlers...".

⁴Hunt, Chester L., Social Aspects Of Economic Development, Mc Graw Hill, N. York, 1966 m.s. 20.

the woman's role in helping to develop these land schemes are regarded as secondary".⁵

telah menguatkan lagi kenyataan bahawa penyerapan tenaga wanita dalam pembangunan hanyalah merupakan peranan sampingan sahaja.

Dalam perjumpaan kaum wanita di Mexico City untuk merayakan Tahun Antarabangsa Wanita pada tahun 1975, wakil-wakil dari seluruh dunia menganggap persoalan "integrasi wanita dalam proses pembangunan adalah sama dengan lelaki". Pembangunan telah didefinisikan secara luas sebagai mekanisma untuk membawa "improvement in the well-being of the individual and of society and to bestow benefits on all".⁶

Untuk menjayakan projek-projek pembangunan negara maka kaum wanita dapat memainkan peranan penting. Kejayaan pembangunan ini hanya dapat diwujudkan melalui pendidikan dan pelajaran. Bidang-bidang inilah yang dikhurasukan oleh masyarakat kepada tanggungjawab kaum wanita, dengan menceburkan diri bersungguh-sungguh ke arah membela nasib rakyat melalui bi-

⁵Mazidah Zakaria & Dr. Nik Safiah Karim., Women In Development The case Of An All-Girls' Youth Land Development Scheme In Malaysia, Universiti Malaya, K. Lumpur, 1978. m.s. 4.

⁶United Nations, World Conference of the International Women's Year., Mexico City, June 19 - July 2, 1975. Provisional Agenda, Item II., para 3.

dang yang dimasukinya secara langsung atau pun tidak langsung.

LITERATUR

Literatur, Ramuan, Kemuncak, Darah, Pecik, Inding.

Bersungguh Sungguh Tanah merupakan salah satu dari pada sumber-sumber berfaedah yang berbebas untuk diketahui meskipun masih perlu dilakukan penelitian dan pengembangan penggunaan di dalam sebuah negara bersungguh seperti Malaysia. Dari sebutan seorang yang menyebutkan Sungguh Sungguh ini pada sebuah penelitian yang berlaku di dalam sebuah klinik tingkat-tengah pada tahun 1956. Sedangkan dalam buku "Kemuncak Tanah" No. 20; pada I berlaku pada 1956. Sedangkan dalam buku "Kemuncak Tanah" Koleksi Rumah Persekitaran, (RPP). Maka ini telah dipertanggungjawabkan dengan bukti-pembuktian untuk mengetahui dan memahami dalam pengaruhnya terhadap penyakit, penilaian dan perlaksanaan projek-projek untuk pengembangan, dan penempatan tanah dalam Persekutuan.¹ Secara secara ini kerajaan dapat memberikan peluang-peluang pelajaran kepada rakyat dan masyarakat pengguna negara.

"to do anything and to enter into any

¹ Laporan: Dr. Jaid Development Officer, 1970, Petohor, Selangor, Semarang, 1970.

— 26 —
BAB II

in accordance
with the provisions of this Ordinance
in that behalf.
LATARBELAKANG

Latarbelakang Rancangan Kemajuan Tanah Bukit Badung.

Rancangan Kemajuan Tanah merupakan salah satu daripada dasar-dasar kerajaan yang bertujuan untuk mengatasi masalah-masalah pertambahan penduduk dan perkembangan pengangguran di dalam sebuah negara membangun seperti Malaysia. Jadi untuk menolong memperkecilkan jurang perbezaan dan pengagihan pendapatan yang berikutnya dari ketidak-seimbangan tingkat-tingkat pendapatan di antara penduduk bandar dan luar bandar, maka kerajaan telah menubuhkan satu badan di bawah Undang-Undang Kemajuan Tanah, No. 20; pada 1 haribulan Julai, 1956. Badan ini dikenali sebagai Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, (LKTP). Badan ini telah dipertanggungjawabkan dengan kewajipan-kewajipan untuk menaja dan membantu dalam penyelidikan-penyelewitan, penubuhan dan perlaksanaan projek-projek untuk pembangunan, dan penempatan tanah dalam Persekutuan.¹ Dengan secara ini kerajaan dapat membanyakkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat dan menambahkan pendapatan negara.

"to do anything and to enter into any

¹ Malaysia, The Land Development Ordinance 1956, Cetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1956.

transaction (whether or-not involving expenditure, borrowing in accordance with the provisions of this Ordinance in that behalf, granting of loans or investment of money, the acquisition, use and disposal of any movable or immovable property, including rights) which in its opinion is calculated to facilitated the proper functions discharge of its functions or is incidental or conducive thereto".

Lembaga Kemajuan Tanah ini memulakan kerja-kerja-nya pada tahun 1957 untuk memajukan tanah dan menempatkan penduduk-penduduk luar bandar di dalam negara secara besar-besaran. Dengan jumlah kakitangan seramai lebih kurang 5200 orang, pihak LKTP telah membuka sebanyak 248 buah Tanah Rancangan getah dan kelapa sawit. Ini bermakna bahawa bilangan penduduk Malaysia yang menjadi penghuni masyarakat LKTP ialah lebih kurang 45,000 orang dan kluasan tanah yang di-usahakan adalah dianggarkan 985,000 ekar.

Pihak LKTP menjalankan operasinya atas dasar "package deal", di mana dalam pendekatan ini ianya secara langsung menjalankan tugas-tugas Tanah Rancangan sejak mula dibuka sehingga ke peringkat pemasaran. Pihak peneroka hanya diperlukan mengusahakan kawasan seluas 10 ekar yang telah diperuntukkan kepada mereka. Segala hasil pengeluaran

²Ibid. Mohamed Soor Abd. Rahman., Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan: Penyumbangan Sosial-Dan Ekonomi Di Kawasan Kemajuan Tanah Bulit Nodin, Trengganu, (Jelitian Ilmiah 1979) Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaysia.

akan diproses dan dipasarkan oleh pihak LKTP sendiri. Untuk itu, sebagai pulangan kepada peneroka-peneroka, pihak LKTP telah menyediakan kemudahan-kemudahan seperti bekalan air, klinik, masjid, padang permainan, balai raya, sekolah, jalan-rayu, Perkhidmatan Pos dan lain-lain kemudahan sosial di RKT.

Rancangan Kemajuan Tanah Bukit Bading terletak kira-kira 26 batu dari bandar Kuala Trengganu dan 7 batu ke tenggara Pekan Ajil. RKT ini merupakan satu rancangan yang hampir dengan jalan besar yang menghubungi Pekan Kuala Brang dengan Kuala Trengganu. (Lihat Peta: Lampiran 2).

Kawasan ini yang berbukit-bukit mempunyai ketinggian yang kadang-kadang meningkat antara 200 hingga 400 kaki tinggi dari paras muka laut.³ Kerja-kerja menerangi kawasan ini bermula pada bulan Februari 1964, meliputi kawasan seluas 599 ekar sebagai Peringkat I. Sebelum itu pihak LKTP dengan dibantu oleh Jabatan-Jabatan lain seperti Jabatan Kehutanan, Jabatan Tanah dan Galian, dan Jabatan Pertanian telah menjalankan penyiasatan teknikal, untuk memastikan kawasan rancangan itu tidak mempunyai hasil kayu kayan yang berharga, bijih atau sebarang galian serta juga membuat ujian dan menentukan tanaman yang sesuai dengannya.

³ Lihat Muhammed Noor Abd. Rahman., Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan: Penyesuaian Sosial Dan Ekonomi Di Rancangan Kemajuan Tanah Bukit Bading, Trengganu, (Latihan Ilmiah 1974) Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya.

Apabila segala penyelarasan kerja lengkap dirancang, maka tender pun dikeluarkan kepada pemberong untuk melaksanakan tugas pembongkaran hutan rimba secara berperingkat-peringkat. Setelah segala kerja membersih dan meletakkan garisan tanaman pokok-pokok kelapa sawit, serta tapak semais selesai dilaksanakan, maka benih ditempat semai di Jerengau dipindahkan ke Bukit Bading. Penanaman kelapa sawit di Peringkat I telah dijalankan pada bulan Jun 1965, manakala Peringkat II pula pada bulan Januari 1966.⁴

Pembukaan hutan seperti membersih ladang, menanam dan mengawasi anak-anak pokok kelapa sawit dilakukan oleh buruh-buruh kontrek upahan pemberong sehingga kerja-kerja itu diambil alih oleh pihak LXTP dengan kemasukan peneroka-peneroka ke dalam Tanah Rencangan. Lazimnya penempatan peneroka dijalankan setelah pokok-pokok kelapa sawit itu berumur 2 tahun.

Perlaksanaan projek Peringkat III dan IV, adalah mudah dilaksanakan kerana tenaga kerja senang diperolehi dari peneroka-peneroka Peringkat I dan II. Keadaan juga telah membuka peluang kepada peneroka-peneroka dan isteri mereka untuk menambahkan pendapatan mereka dengan mengerjakan kerja-

⁴Ibid., m.s. 24

kerja tambahan seperti membersih ladang, merusput, melunas dan mengawasi pokok-pokok dari penyakit sebelum penempatan peneroka dilakukan. Di sinilah dapat dilihat akan peranan-peranan yang dimainkan oleh pihak wanita RKT di mana atas daya usaha dan kerja yang dilakukan seperti yang tersebut di atas, maka peneroka-peneroka Peringkat III dan IV menerima faedahnya pula.

Pada masa kajian ini dijalankan, pokok kelapa sawit di kawasan RKT Bukit Bading sudah pun berumur kira-kira 8 tahun. Segala kerja-kerja pengawasan telah dilakukan oleh peneroka-peneroka sendiri serta juga terdiri daripada anak-anak buah atau tanggungan peneroka.

Latarbelakang Peneroka wati

Kemasukan penerokawati-penerokawati ke dalam Tanah Rancangan adalah mengikut suami-suami mereka yang menjadi peneroka utama dalam setiap Tanah Rancangan. Kemasukan adalah dibuat melalui permohonan-permohonan yang kemudiannya akan dipilih oleh satu Jawatankuasa terdiri dari wakil-wakil Kerajaan Negeri dan Pegawai Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Pemilihan ke atas peneroka dilakukan berdasarkan kepada syarat-syarat tertentu, iaitu:-

1. Warganegara Malaysia atau Rakyat Negeri.
2. Sudah berkahwin, keutamaan diberi kepada yang mempunyai anak.

- 1). Akibat 3. Tidak memiliki tanah atau memiliki tanah kurang dari 2 ekar.
2). Tanah kurang dari 2 ekar.
3. Mempunyai latarbelakang pertanian,
keutamaan diberi kepada mereka yang mempunyai kemahiran tambahan.
4. Tiada rekod jenayah.
5. Sihat tubuh badan dan sempurna segala anggota dan fikiran.
6. Mematuhi syarat-syarat masuk dan peraturan-peraturan di dalam RKT.⁵

Pemilihan dan syarat-syarat ini dikenakan kepada peneroka apabila memasuki Tanah Rancangan. Di sebaliknya peneroka-peneroka wanita adalah terkecuali daripada syarat-syarat itu disebabkan kemusukan mereka ke Tanah Rancangan cuma mengikuti suami-suami mereka sahaja.

Boleh dikatakan bilangan peneroka-peneroka wanita yang mendiami RKT Bukit Bading hampir keseluruhannya berasal dari negeri Trengganu dan Kelantan. Walaupun demikian, terdapat juga 5 orang peneroka yang berasal dari negeri lain di Semenanjung Malaysia. Ke semua peneroka-peneroka di RKT Bukit Bading ini terdiri daripada bangsa Melayu (Lihat Jadual III dan IV).

⁵Malaysia, The Land Development Ordinance, 1956. Op.Cit.

1.). Akibat daripada sifat kedserahan ini telah menimbulkan keadaan konflik antara penerokawati maupun peneroka lelaki. Perkara ini akan diperbincangkan di bawah tajuk konflik Bab

Dari pengkajian penulis, didapati kebanyakannya dari-pada keluarga-keluarga peneroka yang terpilih adalah terdiri dari keluarga-keluarga yang besar bilangan ahlinya. Dari jumlah 89 responden yang ditemui, rata-rata peratus keluarga peneroka yang mempunyai bilangan anak dari 1-4 orang ialah 40%, dan 5-9 orang ialah 56.2% (Lihat Jadual 2). Dengan jumlah tanggungan yang agak besar ini, peneroka-peneroka menghadapi masalah-masalah yang bersangkutan dengan perbelanjaan dan penyekolahan anak-anak. Soal ini dirasai oleh peneroka-peneroka sekeluarga terutama pada musim-musim meleset, di mana hasil ladang kelapa sawit agak merosot. Berikut-serta dengan ini, peneroka-peneroka baik suami maupun pihak istri terpaksa mencari kerja-kerja tambahan atau sambutan untuk menambahkan pendapatan mereka. Dalam keadaan yang demikian akan kelihatanlah tugas-tugas dan peranan yang dimainkan oleh kaum wanita dalam membantu suami mereka untuk mencari nafkah hidup tambahan. Hal ini akan dibicarakan dalam Bab III dan IV, di mana wanita-wanita berperanan dalam pengumpulan pendapatan, termasuk juga tentang sikap dan nilai peneroka-peneroka terhadap pekerjaan.

JADUAL 1

Tempat Asal Peneroka Wanita Mengikut Peringkat

Dari

Negeri	Daerah Kategori	Wanita Dalam Peringkat				Jumlah
		I	II	III	IV	
TRENGGANU	Besut	7	46	35	28	116
	K. Trengganu	28	94	47	27	196
	Dungun	1	7	2	1	11
	Marang	2	12	13	4	31
	Kemanan	2	8	2	/	12
	U. Trengganu	13	52	29	19	113
	Jumlah	53	219	128	79	479
KELANTAN	Tumpat	1	1	1	2	5
	K. Bharu	/	2	/	2	4
	Pasir Mas	1	1	/	/	2
	Macang	4	1	2	1	8
	U. Kelantan	9	2	2	/	12
	Pasir Puteh	6	2	/	2	10
	Jumlah	21	9	4	7	41
Lein-Lein		2	2	1	/	5
	JUMLAH BESAR					566

JADUAL 2

Bilangan Anak-Anak Responden Yang
Ditemui

Kategori	Bil Keluarga	%
Tidak Punya Anak	3	3.8
1 Hingga 4	32	40.0
5 Hingga 9	45	56.2
Jumlah	80	100.0

JADUAL 3

Pekerjaan Asal Peneroka-Peneroka

Jenis Pekerjaan	Bil.	%	Jenis Pekerjaan	Bil.	%
Menoreh	14	17.5	Tentera/Polis	3	3.75
Bersawah	23	28.75	Tukang	5	6.25
Berniaga	5	6.25	Buruh	12	15.0
Nelayan	13	16.25	Lain-Lain Kerja	5	6.25

Kebanyakan daripada para penerokawati ini datang dari latarbelakang pekerjaan suami yang berbeza. Di dalam RKT Bukit Badung, dari 80 responden yang ditemui, golongan wanita penanam padi merupakan golongan yang teramai (28.75%), diikuti oleh golongan penoreh getah (17.5%) dan isteri nelayan (16.25). Lihat Jadual 3. Oleh sebab sebelum menyertai Tanah Rancangan, peneroka-peneroka itu tidak memiliki tanah maka mereka digolongkan di bawah kategori rakyat yang miskin. Pendapatan peneroka semasa di kampung asal ialah di antara \$50.00 hingga \$150.00 sebulan. Berpandukan pola-pola pendapatan demikian maka dapatlah dikatakan mereka itu sentiasa terdedah kepada kesempitan hidup terutama apabila hasil tanaman tidak menjadi.

Bagi kebanyakan peneroka RKT Bukit Badung, keadaan di kampung asal mereka adalah terlalu mendesak. Pekerjaan dan pendapatan di kampung tidak tetap. Setengah daripada mereka hidup "kais pagi makan pagi, kais petang makan petang"; dan masih ada yang bergantung kepada orang tua mereka untuk menyarakan keluarga mereka yang ramai itu. Atas sebab-sebab ini-lah juga maka isteri-isteri peneroka terpaksa melibatkan diri di dalam bidang perekonomian yang lain seperti mengambil upah atau kerja kontrek untuk membantu keluarga mereka.

Oleh kerana itu, masa yang banyak ditumpukan kepada usaha mencari nafkah oleh kedua pihak untuk menampung keluarga. Sikap yang timbul dari tekanan hidup dirasai oleh

mereka dari generasi ke generasi yang lain. Justeru itu, peneroka-peneroka ini tidaklah dapat memberikan perhatian terhadap kemajuan pelajaran anak-anak mereka. Kesannya, setengah-setengah daripada mereka terdiri daripada masyarakat yang buta huruf. Hal ini lebih ketara kerana terdapat peratus buta huruf yang tinggi di kalangan para penerokawati. (Lihat Jadual 4).

Corak pendidikan yang diterima oleh wanita-wanita Tanah Rancangan cuma di peringkat rendah sahaja. Dan pelajaran yang diajari oleh ibu bapa mereka merupakan pelajaran yang berbentuk keugamaan. Juga 77.5% daripada 80 responden telah meninggalkan bangku sekolah setelah tamat darjah 2 dan 3 sekolah rendah. Oleh itu mereka hanya tahu membaca dan menulis dalam bahasa jawi sahaja. Wanita-wanita Tanah Rancangan cuma menerima pendidikan beroorak ugama untuk kepentingan rumah tangga mereka yang bersifat "masa depan".

Tidak Boleh Baca & Tulis	54	67.5
Baca Sahaja	11	13.5
Menulis Sahaja	6	7.5
Judul	80	100.0

JADUAL 4

A. Pendidikan Dan Peratus Buta Huruf

Pencapaian	Bil.	Aliran	Bil.
Tidak Sekolah	11	Melayu	39
Darjah 1 - 3	62	Inggeris	/
Darjah 4 - 6	4	Arab	7
Menengah	3	Lain-Lain	23
Dip./Ijazah	/	Tidak Sekolah	11
Jumlah	80	Jumlah	80

B. Peratus Buta Huruf

Kebolehan	Bil.	%
Tahu Membaca & Menulis	54	67.5
Tidak Tahu Baca & Tulis	11	13.5
Membaca Sahaja	6	7.5
Menulis Sahaja	9	11.5
Jumlah	80	100.0

Matalamat Peneroka/Penerokawati

Boleh dikatakan kebanyakannya daripada penereka atau penerokawati menyatakan tujuan mereka memasuki Tanah Rancangan ialah kerana ingin memiliki tanah sendiri. Hal ini telah diketahui oleh Report Tahun 1956:-

"..... there were clear indications of land hunger of large number of the people in the country's peasant agricultural sector. This phenomenon was aggravated by the rapid population growth".⁶

Begitu juga keinginan mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang tetap serta pendapatan yang lumayan. Dan kerana keadaan hidup yang terdesak ini telah menyebabkan mereka terpaksa meninggalkan kampung halaman dan sanak saudara mereka. Tujuan "untuk mengubah cara hidup" juga menjadi matalamat kepada peserta-peserta rancangan ini. (Lihat Jadual 5).

Untuk mendapat Tanah Rancangan ini,

Dalam kesedaran perburuan ekonomi yang tidak stabil itu, telah menyebabkan penitidur-penitidur iaitu bandar berfungsi untuk mencari kerja-lajur di luar kawasan. Kerajaan yang bermula sedikit sebenar sekiranya secara langsung dalam pengaruh hidup mereka di dalam Tanah Rancangan. Apabila dia sebaiknya pulang-pulang untuk mengubah cara hidup serta

⁶ Untuk keterangan lanjut lihat, Malaya, Report Of The Land Settlement Working Committee, Cetakan Kerajaan, Februari 1956.

JADUAL 5

Sebab-Sebab Memasuki Tanah Rancangan

Tujuan	Bil.	%
Untuk Memiliki Tanah	60	75
Untuk Mengubah Cara Hidup	12	15
Lain-Lain Sebab	8	10
Jumlah	80	100

Apabila tiba di Tanah Rancangan peserta-peserta Rancangan ini mempunyai semangat dan azam yang baru untuk mencipta suatu hidup baru. Dari hasil perbualan dan pemerhatian pemilis, maka nyatalah mereka mempunyai harapan dan jangkaan yang tinggi terhadap masa depan semasa permulaan mereka menyertai Tanah Rancangan ini.

Dengan keadaan perbezaan ekonomi yang tidak stabil itu, telah menyebabkan penduduk-penduduk luar bandar berkeinginan untuk mencari kerja-kerja di luar kawasan. Harapan yang begini sedikit sebanyak berperanan secara langsung dalam penyessaian hidup mereka di dalam Tanah Rancangan. Apabila ada sahaja peluang-peluang untuk mengubah cara hidup serta menikmati segala kemudahan-kemudahan yang terbuka luas maka mereka tidak ketinggalan merebut peluang yang diberikan.

"The introduction of FELDA was greeted with widespread enthusiasm on the part of the peasantry, and especially the landless Malays. FELDA offered, or at least seemed to offer the peasants an outlook for innovation through the redeployment of resources from subsistence agriculture to comparatively high income smallholder".⁷

Matalembat untuk hidup di dalam satu masyarakat baru dengan jaminan-jaminan masa depan, akhirnya telah membawa mereka untuk menyertai Rancangan Kemajuan Tanah ini.

"... provided the will to have a home and mother".

Potiket bersepadu atau teknologi pertanian belum. Dalam hal ini pertanian yang dibangun di sekitar perumahan ditunjukkan oleh hasil hasil tanah kerjangan di dalam rancangan tersebut. Maka pertanian itu menggunakan teknologi di samping pengalaman kerja-kerja seseorang dalam masyarakat. Juga akan dilihat pertumbuhan setara semula jadi Rancangan Petiti Bedilang dengan teknologi baru ini dalam sisa di luar Rancangan. Widak setinggalan tanah bagaimana seseorang membangun sebuah rumah dalam proses mem-

⁷ Sifat-sifat dari Rancangan dan Rancangan dalam buku, Change In A Changing Society, oleh Jean Heber, The University

⁷ Marcharan Singh Khera, The State And Peasant Innovation In Rural Development; The Case Of Felda Oil Palm Schemes.., Persatuan Ekonomi Malaysia, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974.

BAB III

WANITA DAN RUMAHTANGGA

Wanita merupakan separuh daripada penduduk negara ini dan kira-kira sepertiga dari tenaga buruhnya terdiri daripada wanita juga. Mengikut sarjana Betty Frankle Kirachner, wanita adalah terikat kepada rumah tangganya. Ini dipetik dari kata-kata Biesanz dan Biesanz (1969) bahawa:-

"husbands and wives should follow traditional roles, the husband as provider, the wife as housemaker and mother".¹

Petikan bersetujuan dengan tajuk perbincangan bab ini. Dalam bab ini penumpuan akan dibuat di sekitar peranan yang ditunjukkan oleh kaum wanita Tanah Rancangan di dalam rumah tangga mereka. Bagaimana penerokawati itu menguruskan rumah tangga di samping mengendalikan kerja-kerja sambilan dalam membantu keluarganya. Juga akan dilihat perhubungan antara wanita Tanah Rancangan Bukit Bading dengan keluarganya sama ada di dalam atau di luar Rancangan. Tidak ketinggalan ialah bagaimana wanita mendidik anak-anak dalam proses men-

¹ Dipetik dari Biesanz and Biesanz, dalam buku., Changing Women In A Changing Society, oleh Joan Huber, The University Of Chicago Press, Chicago. 1973.

² Betty, Role Cooperative Structure, dalam Encyclopaedia of Sociology, Volume 3, hal. 301.

sosialisasikan mereka. Jiran-jiran di sekitar kawasan Tanah Rancangan juga mempunyai kepentingan apabila membincangkan peranan wanita dalam aspek rumah tangga ini. Ini disebabkan hubungan sesebuah famili dengan jirannya akan mengujudkan kemesraan dan perasaan bersatu dalam masa-masa kesusahan kelak. Akhir sekali pengkaji juga akan menyentuh sedikit sebanyak tentang perkahwinan dan penceraihan di kalangan penrekawati Tanah Rancangan. Dan di dalam perbincangan-perbincangan ini secara tidak langsung kita akan menyentuh tentang hak keputusan yang berlaku di kalangan wanita.

Peranan Isteri Dalam Rumah Tangga

Rumah tangga didefinisikan sebagai:-

".... a group of people who habitually share a common dwelling and a common food supply Domestic group may be made up of individuals between whom no kinship ties exists, and conversely members of one family may be distributed over two or more domestic groups".²

Jadi rumah tangga ialah satu tempat kediaman didiami oleh satu unit sosial yang terkecil iaitu famili yang mengandungi beberapa individu terdiri dari suami dan isteri yang dikatakan melalui perkahwinan dan anak-anak yang lahir dari perkongsian itu atau dengan cara angkat (adoption). Mengikut

² Smith, R.T., Comparative Structure, dalam Encyclopaedia of Social Sciences, Vol. 5, m.s. 301.

E.W. Burgess and H.J. Locke:-

"The family is composed of persons united by the ties of marriage, blood or adoptions constituting a single house keeping unit interacting and inter-communicating with each other intheir respective social role of husband and wife, mother and father, brother and sister, creating a common culture".³

Definasi ini menyatakan pola interaksi antara ahli, peranan dan hubungan sosial, serta bentuk tempat tinggal anggota-anggota satu famili. Ini dapat diperteguhkan lagi dengan penerangan oleh Smith mengenai famili iaitu:-

"... a co-residential group which consists of a married couple, their own children and which lives apart from other kin".⁴

Dalam setiap famili terdiri beberapa ahli dan ber-setiap orang ahli dalam famili itu mempunyai status dan peranannya. Di kalangan mereka ini terjalin beberapa hubungan sosial yang bertimbali balik.

Suami adalah sebagai ketua rumah dan isteri menjadi pembantunya dalam menguruskan rumah tangga. Masing-masing

³Burgess, E.W., & Locke, H.J., The Family, 1953. m.s. 7.

⁴Smith, R.T., Op.Cit. m.s. 302.

menghormati antara satu sama lain dan dihubungkan dengan perhubungan yang bertimbali balik bagi mengujudkan kepentingan diri dan faedah bersama. Sesuatu masalah khususnya yang mengenai masalah famili dibincangkan bersama oleh kedua belah pihak, tetapi keputusan muktamad selalunya berada di tangan suami. Di Tanah Rencengen ini terdapat kesenderongan isteri-isteri menurut pendapat suaminya, terutama di dalam hal-hal yang di luar bidang rumah tangga seperti di dalam bidang politik dan sosial. Hal ini akan lebih jelas kelihatannya dalam pembincangan mengenai politik dan kepimpinan di Bab V nanti.

Tugas utama isteri ialah mengurus segala urusan mengenai rumah tangga berpandukan keperluan sehari-hari. Suami tidak campurtangan di dalam hal-hal kerja rumah. "Kerja Orang Perempuan" seperti membasuh pakaian, memasak dan membersihkan rumah. Suami hanya membantu atau pun mengambil alih kerja isterinya apabila si isteri sakit, umpananya bersalin.

Isteri berkuasa penuh di dalam hal pengurusan dan pentadbiran rumah tangganya. Seorang isteri yang baik, mempunyai kepandaian berjinat cermat dari segi ekonomi dan pandai menguruskan kerja-kerjanya. Kepintarannya melayan dan mengambil hati keluarga akan merapatkan hubungan familiinya dengan saudara mara. Ini adalah disebabkan oleh peranan isteri sebagai 'ratu rumah tangga' akan meninggalkan kesan yang lebih dari suami pada individu-individu yang datang ke rumahnya.

Di samping mengendalikan kerja-kerja rumah, isteri juga membuat kerja-kerja sambilan bagi menambahkan lagi pendapatan keluarga. Tugas-tugas biasa sebagai suri rumah tangga merupakan tanggungjawab utama seorang isteri. Dan kerja-kerja luar rumah pula merupakan sebahagian daripada aktiviti-aktiviti ekonomi sampingan dalam membantu dan menambah pendapatan suaminya. Dari keterangan 80 orang suri rumah yang telah ditemui, didapati seramai 46 orang daripada mereka membantu suami masing-masing. Pekerjaan yang lazim dan mampu dilaksanakan oleh mereka ialah seperti yang terdapat dalam Jadual 6.

JADUAL 6

Aktiviti Ekonomi Suri Rumah tangga

Jenis Pekerjaan	Bil.	%	Pendapatan
Kerja Kontrek	29	36.25	+
Menoreh Menuai	16	20.0	\$ 120.00
Upah Menjahit	8	10.0	40.00
Guru Tadika	2	2.5	60.00
Berniaga Runcit	25	31.25	200.00
Jumlah	80	100.00	-

+ Sukar untuk memberi perangkaan yang tepat bagi pendapatan kerja kontrek. Bayaran \$2.40 dibuat berdasarkan kepada kiraan hari bekerja.

Sebelum menetap di Rancangan, peserta RKT umumnya telah bekerja di dalam berbagai-bagai jenis pekerjaan yang tidak tetap dan tidak menjaminkan masa depan mereka serta famili masing-masing. Seseorang peneroka acap kali menukar ganti punca mata pencarinya dan berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain mengikut "periek nasinya". Dan secara tidak langsung anak isterinya menjadi biasa dengan corak hidup yang tidak berketentuan. Dengan itu terpaksa juga isteri mereka melibatkan diri dalam kerja-kerja buruh kasar demi mencari "sesuap nasi". Sikap ini telah terbawa-bawa oleh isteri-isteri peneroka yang pernah mengalami kesusahan sebelumnya, apabila mereka memasuki Tanah Rancangan ini.

Peluang untuk bekerja bagi suri rumah tangga ini terbuka apabila tugas asasnya (di rumah) telah diambil alih oleh individu lain. Umumnya jika terdapat anak perempuan dewasa yang telah berhenti sekolah atau anak menantu yang tinggal bersamanya.

Perlu dijelaskan di sini bahawa, di peringkat awal kemasukan peserta-peserta ke tanah rancangan pada tahun 1967, anak-anak peneroka masih lagi kecil atau di bangku persekolahan. Namun begitu para penerokawati terpaksa juga membuat kerja-kerja sampingan untuk mengambil upah bagi menambahkan pendapatan keluarga. Dalam penglibatan mereka di dalam kerja ini (kerja "kong") penerokawati terpaksa meninggalkan tanggung-jawab mereka di rumah kepada anak-anak yang masih di bangku

sekolah. Meski pun begitu, disebabkan oleh desakan hidup yang begitu menekan, isteri-isteri peneroka terpaksa juga membantu suami mereka menguruskan ladang kelapa sawit di peringkat awal.^{*}

Hubungan Antara Isteri Dan Keluarganya

Anak-anak lebih rapat hubungannya dengan ibunya daripada bapa sebab ibu sentiasa berdampingan dengan anak-anaknya. Bagi anak-anak, ibu ialah tempat mereka mengadu dan mencurahkan segala masalah-masalahnya.

Seorang ibu membentuk sifat dan sikap (peribadi) anak-anaknya dengan cara formal dan informal. Proses sosialisasi itu dimulakan dengan mengajar anak-anak mengaji Quran dan cara-cara bersembahyang (67.5%). Anak-anak tidak hanya diajar dengan ilmu akhirat semata-mata, sebaliknya anak-anak ini dimasukkan ke sekolah TADIKA atau Sekolah Rendah (22.5%) yang terdapat di Tanah Rancangan. Mereka mahukan masa depan anak-anak mereka terjamin hidupnya dan tidak hidup dalam keadaan susah seperti mereka (10%).

* Semasa kemasukan peneroka/penerokawati di peringkat awal, ladang-ladang kelapa sawit masih lagi belum mengeluarkan hasilnya. Oleh kerana itu pihak Lembaga telah memberi bantuan kewangan sebanyak \$69.90 kepada setiap peserta. Subsidi ini kemudian akan ditolak daripada hasil jualan kelapa sawit sebagai potongan hutang peserta pada Lembaga,

Isteri-isteri dalam setiap rumah tangga akan mendidik ahli keluarganya dengan sempurna. Anak-anak perempuan lebih awal dilatih bekerja daripada anak-anak lelaki. Selepas dari waktu sekolah, anak perempuan akan dilatih menolong ibunya di dapur, sementara anak lelaki disuruh menjalankan kerja-kerja di luar rumah.

Walaupun para penerokawati ini telah mengikuti suami mereka memasuki Tanah Rancangan, tetapi hubungan mereka dengan kampung asal tidak terputus begitu sahaja. Dengan lain perkataan, jalinan hubungan kekeluargaan itu tetap ada dan kekal. Bagi mereka yang masih kuat merasa 'hubungan kekeluargannya' lebih kerap pulang ke kampung asal (52.5%). Oleh yang demikian tidak haiwanlah jika ada di kalangan penerokawati yang tidak pernah atau jarang-jarang pulang ke kampung asal (27.5%) sejak mereka mulai tinggal di Rancangan ini. Bagi mereka faktor wang dan jarak jauh atau dekat merupakan faktor sampingan (12.5%), tetapi apa yang lebih penting ialah mereka mungkin tidak mempunyai ibu bapa di kampung asal (7.5%)(sudah menetap dengan peserta di rancangan atau telah meninggal dunia).

Hubungan Penerokawati Dengan Jiran Tetangga

Dalam satu-satu kelompok perumahan di mana penerokawati tinggal berdekatan dengan jirannya, perhubungan antara mereka adalah erat. Sebagaimana yang diterangkan, sistem undi semasa kemasukan peserta menentukan tempat tinggal seseorang

penerokawati itu. Dan secara tidak langsung para penerokawati itu telah dicampur-adukkan dengan jiran-jiran yang asing dari kampung asalnya. Oleh itu masalah penyesuaian di antara mereka tidak timbul kerana masing-masing mempunyai latarbelakang yang lebih kurang sama.

Perhubungan berjiran di kalangan para penerokawati adalah berasaskan pada 'kepentingan bersama' dalam soal menjalankan kegiatan sosio-ekonomi seperti bergotong royong. Setelah lama bergaul dan saling bantu membantu serta dituruti oleh perasaan tolak ansur, jiran tetangga dianggap sebagai salah seorang dari saudara sendiri. Justeru itu, penerokawati rancangan telah mempunyai lebih ramai teman wanita di rancangan berbanding dengan di kampung asal. Perkenalan yang menjadi punca pergaulan dan kemesraan itu bermula melalui kegiatan-kegiatan pekerjaan, persatuan dan temasya sosial yang berdasarkan hubungan dari interaksi persemukaan. Kenyataan ini dipandang daripada kebebasan yang diperolehi dalam pergaulan sehari-hari.

Penerokawati saling bertandang ke rumah jiran tetangga. Kebiasaannya kegiatan tandang bertandang ini berlaku di sebelah petang kerana di sebelah pagi masing-masing menjalankan pekerjaan sendiri seperti ke ladang, ke kebun dan sebagainya. Sambil menggulung 'daun rokok' (diperbuat dari

dsum nipah)⁴ dan makan sireh, mereka akan membicarakan penghidupan harian seperti tentang ladang kelapa sawit, harga pasaran kelapa sawit, barang-barang bekalan, musuh tanaman, hal-hal keluarga dan tidak ketinggalan hal peribadi lain-lain penerokawati. Mengiarah rumah jiran menjadi lebih penting sekiranya ada perkara berlaku terhadap jiran seperti anggota rumahnya sakit, ibu yang baru bersalin, kematian dsn sebagainya.

Keeratan dan kemesraan terjalin di kalangan mereka dimanifestasikan juga dalam aktiviti-aktiviti ekonomi yang dilakukan. Disebabkan kedudukan perumahan dan desakan hidup senasib maka institusi tolong menolong telah mendapat tempat di kalangan mereka. Koentjaraningrat mentafsirkan peranan tolong menolong sebagai:-

"..... tambahan tenaga bantuan dalam pekerjaan yang tidak disewa tetapi diminta dari sesama warga desa".⁵

Sikap tolong menolong ini sebenarnya telah menjadi satu kelaziman bagi masyarakat Melayu tradisi yang berkecimpung dalam pertanian. Keadaan ini boleh berlaku kerana

⁴ Daun rokok - sejenis rokok yang diperbuat oleh orang desa dari daun nipah dan digulung dengan tembakau sebegitu rupa seakan-akan rokok.

⁵ Dr. Koentjaraningrat, Masyarakat Desa Di Indonesia Masa Ini, Jajasan Badan Penerbit Fakultas Ekonomi, Universitas Indonesia, 1964. m.s. 356 - 357.

mengikut Cohen:-

"..... one farmer may assist another
..... in the expectation that reciprocal
assistance will be given at some other
time".⁶

Perkahwinan Dan Perceraian Di Kalangan Wanita Rancangan

a) Perkahwinan merupakan satu institusi yang diiktiraf oleh masyarakat di mana anggota-anggotanya memenuhi keperluan-keperluan seperti perlindungan, soialisasi dan alat penghubung antara 'kelamin' yang berkenaan dari segi ekonomi, sosial dan moral. Perkahwinan di kalangan masyarakat Melayu, khususnya di tanah rancangan, tertakluk di bawah undang-undang syariah dan adat istiadat tempatan. Mengikut undang-undang syariah, ikatan perkahwinan disahkan dengan 'ijab' dan 'qabul' (proposal and acceptance) yang diucapkan oleh pihak lelaki, dengan kata-kata yang tertentu bagi menunjukkan keinginan untuk mengajukan perhubungan persemendaan. Persetujuan pihak wanita disampaikan melalui walinya.

Dari kes-kes perkahwinan di tanah rancangan ini, wali yang sering melakukan 'ijab-qabul' ialah bapa kepada wanita itu sendiri (82.5%). Sebabnya ialah pihak keluarga (bapa) wanita itu masih hidup lagi di kala perkahwinan itu

⁶ Cohen, Percy S., Modern Social Theory, London 1968, m.s. 146.
G. Allen & Unwin Ltd., London, 1972
m.s. 47.

berlaku. Supaya perkahwinan ini diketahui oleh ahli masyarakat maka satu majlis jamuan atau kenduri diadakan dan disesuaikan dengan adat-adat tempatan yang mengandungi beberapa upacara.

Setiap ibu bapa lebih memberi keutamaan pada perkahwinan anaknya dengan individu-individu yang mempunyai kebudayaan dan leghat bahasa yang sama, setempat dan sama taraf ekonominya atau lebih baik dari itu. Kecenderungan pada ciri-ciri ini adalah didasarkan pada faktor yang memudahkan dan mengeratkan pertalian kekeluargaan yang akan dibentuk.

Untuk menjamin perlanjutan rumah tangga yang didirikan, adalah diperlukan supaya pengantin lelakinya mempunyai pekerjaan yang boleh menampung naftkah anak isterinya. Hal ini adalah memandangkan kepada perbezaan ekonomi yang luas, khususnya kedudukan ekonomi pihak isteri adalah lebih mundur kalau dibandingkan dengan pihak lelaki. Sebab itu malah kelihatan pihak wanita ini tidak mempunyai kelantangan suara dalam membuat sesuatu keputusan. Sebabnya, pihak yang lebih berada merasai "kedudukannya" lebih tinggi dan pihak yang kurang berada itu merasai rendah diri dan tidak setaraf dengan pihak pertama tadi.⁷

⁷ Littlejohn, James., An Introduction: Social Stratification, G. Allen & Unwin Ltd., London. 1972 m.s. 47.

Kebanyakan daripada penerokawati di sini berkahwinan di dalam lingkungan umur yang muda. Di kalangan lingkungan umur yang dianggap sesuai dan ramai berkahwin ialah di antara usia 15 hingga 20 tahun (52.5%). Bilangan yang berkahwin setelah melewati peringkat umur ini seramai 24 orang iaitu 30%. Jika anak gadis belum berkahwin setelah melewati umur 20 tahun (seramai 17.5%) adalah dianggap oleh masyarakat sebagai "telah berumur".

Seramai 77.5% (62 orang) dari penerokawati meninggalkan bangku sekolah dalam peringkat umur yang masih muda — iaitu selepas darjah 2 dan 3 (1940 an) dan tidak kurang yang tidak ke sekolah (11 orang) kerana tidak beratkan pelajaran "sekular", (13.5%). Golongan wanita terutamanya anak gadis hanya tinggal di rumah, menolong ibu menguruskan rumah tangga. Apabila anak gadis itu "disebut orang" (dipinang) ibu bapa dengan senang hati mengizinkan dia berkahwin. Keputusan ini memandangkan kepercayaan bahawa anak gadis yang belum berkahwin itu adalah "beban" rumah tangga.

Di samping faktor kepercayaan, faktor ekonomi juga memberi kesan. Purata bilangan anak-anak sesebuah keluarga di kampung biasanya adalah ramai, terdiri di antara 7 hingga 9 orang. Ini bermakna ketua rumah (lelaki) terpaksa menanggung nafkah hidup ahli keluarganya yang ramai. Berdasarkan kepada jumlah purata pendapatan ketua rumah sebanyak \$250 sebulan,

dan bilangan ahli keluarga yang ramai maka kehidupan bagi sesebuah keluarga itu tidaklah begitu lumayan. Jadi bila mana anak gadis itu bersuami, bererti tanggungjawab ketua rumah dari segi kewangan beransur ringan.

Dari gabungan faktor-faktor dan nilai-nilai masyarakat desa, perkahwinan di kalangan penerokawati ini di peringkat umur yang muda adalah tidak menghairankan. Dengan hal yang demikianlah maka di dalam rumah tangga sesebuah keluarga itu, "ketua rumah" terdiri dari pihak lelaki di mana berdasarkan umur, pihak lelaki adalah lebih tua dan berpengalaman dalam hidup. Tambahan lagi wanita mempunyai sifat yang lemah dalam sifat-sifat kewanitaannya untuk mentadbir sesebuah rumah tangga. Ini ditentukan juga oleh hukum-hukum ugama Islam di mana wanita harus tunduk kepada suaminya di dalam pentadbiran rumah tangga tersebut.

b) Perceraian

Masyarakat Melayu tidak sunyi dari perceraian — iaitu suatu tindakan memutuskan ikatan perkahwinan dengan pengucapan perkataan-perkataan tertentu. Perlakuan memutuskan ikatan ini tidak digalakkan dalam setiap perkahwinan dan ugama. Walau bagaimanapun tindakan itu terpaksa dilakukan sekiranya perkahwinan yang dibina itu menempoh jalan buntu.

Mengikut kajian kes, hanya terdapat 10 kes cerai, 3 daripadanya ialah kes cerai hidup, 2 dari kes cerai itu

telah dirajak. Hanya 1 kes sahaja yang terus cerai. Terdapat 2 kes cerai 'talak tiga'. Kedua-dua kes ini disebabkan isteri meninggalkan suami kerana tidak mahu memasuki Tanah Rancangan disebabkan desakan hidup di peringkat awal dan kedua-dua mereka itu pula masih muda (seorang berumur 26 tahun semasa perceraian dan seorang lagi berumur 29 tahun). Kedua-dua mereka telah mendirikan rumah tangga dan tinggal di kampung asal.

Di samping itu terdapat 5 kes 'cerai mati'. Isteri-isteri yang kematian suami ini tidak berkahwin lain kerana umur mereka yang sudah meningkat dan bilangan anak yang ramai dan sudah dewasa. Terdapat seorang responden yang kematian suami, apabila ditanya:

"Kenapa Mak cik tidak bersuami untuk membantu meringankan tanggungan keluarga?".

Maka dijawabnya;

"Kita ni dah tua, siapa yang hendak pada kita!".

Rumusannya dapat kita lihat bahawa wanita juga mempunyai tanggungjawab yang agak berat seperti mana lelaki. Dengan kebijaksanaan yang ada pada dirinya maka wanita telah mampu untuk menguruskan sebuah rumah tangga yang boleh diibaratkan sebagai sebuah negara kecil dan dirinya sebagai pemimpin dalam negara kecil itu. Begitu jua hasil dari sifat yang dipunyainya sebagai seorang wanita maka seorang wanita itu berjaya mengeratkan lagi hubungan tali keke-

luargam dengan saudara-saudanya yang berada di kampung asal. Hubungan ini jelas kelihatan dari kekerapan mereka pulang ke kampung asal atau pun kunjungan dari saudara kampung ke Rancangan. Dan di samping itu juga mereka tidak ketinggalan dalam memenuhi kehendak-kehendak sosial seperti menghadirkan diri dalam kegiatan-kegiatan ugama atau 'gotong royong' yang diadakan di Tanah Rancangan. Implikasi dari kegiatan sosial ini telah membawa kepada pertemuan dan persemuaasn antaranya dengan rakan-rakan atau jiran-jiran tetangga yang juga mendiami di Tanah Rancangan.

Juga dilihat dalam perbincangan Bab ini bagaimana kaum wanita telah dijadikan Tuhan untuk menjadi pasangan kepada temannya iaitu kaum lelaki melalui perlaksanaan perkahwinan. Dan juga diterangkan bagaimana sesuatu perkahwinan itu yang sekiranya tidak kekal lama akan membawa kepada perceraian atau lebih kerap digunakan istilah 'perceraian'. Begitulah penelitian kita terhadap kaum wanita yang telah dipukulkan di atas bahunya tanggungjawab mengenai hal-hal rumah tangga dan hubungannya yang telah menegalkan keunggulan rumah tangganya itu.

Tentu pada bagi pekerja wanita, yang baru saja menerima gelanggang pekerjaannya, segala-galanya masih beginya, juga manusia yang berada di sekitarnya. Dan di tengah-tengah buruh-nuruh ini, dia sendiri sebagai pekerja wanita harus bersatu-satu di dalamnya, untuk sentiasa mempertahankan rasa ku-

BAB IV

STRUKTUR SOSIAL DAN ORGANISASI

Jika dulu perhatian seorang gadis yang sedang meningkat dewasa, hanya dipaksakan menuju kepada soal-soal perkahwinan saja, yakni bahawa wanita itu tujuannya tidak lain hanya untuk perkahwinan saja, maka sekarang jauh berlainan soalnya.

Masyarakat kini mempunyai cita-cita yang berlainan. Gadisnya diberi kesempatan untuk mengembangkan bakatnya, ke mana ia bercita-cita dan alangkah bangga hati orang tua melihat gadisnya itu mencapai sesuatu di tengah-tengah masyarakat sebelum tiba masanya ia menemui kehidupan perkahwinan.

Dengan tiada sengaja, maka kaum wanita kita sebagai pekerja wanita harus berada di tengah-tengah pergaulan masyarakat yang berarti, mereka berada dalam pergaulan masyarakat. Wanita itu berada di tengah-tengah rakan sekerja yang terdiri dari laki-laki dan wanita, dan ke semuanya ini meminta syarat-syarat pergaulan pula dari pihak wanita sebagai pekerja wanita.

Tentu pula bagi pekerja wanita, yang baru saja memasuki gelanggang pekerjaannya, segala-galanya asing baginya, juga manusia yang berada di sekitarnya. Dan di tengah segala serba asing ini, dia sendiri sebagai pekerja wanita harus mera-ba-raba di dalamnya, sambil sentiasa memperlihatkan ramah ta-

mah dan kesopanan yang tinggi, sebagai seharusnya dipunyai oleh peribadi seorang wanita.

Dunia kita menghendaki agar kaum wanita pun tidak kurang keberaniannya di waktu melakukan tugasnya di tengah masyarakat dan memperlihatkan hasil-hasil kepandaianya pula. Tetapi jangan lupa, bahawa dunia kongkongan, jauh berbeza syarat-syaratnya daripada dunia luas dan lebar ini, bagi seorang wanita. Perihal inilah yang sedang dialami oleh wanita tanah rancangan dalam menjalani hidup mereka di tanah rancangan Bukit Bading. Mereka masih lagi terikat dengan kongkongan tradisi yang menentukan corak dan cara hidup mereka dalam melakukan kerja-kerja mereka.

Peranan Wanita Dalam Pembangunan

Kalau memperkatakan masalah pembangunan negara, seringkali wanita dikaitkan kerana mereka adalah anggota masyarakat yang penting dan peranannya sangat mustahak untuk mengisi pembangunan tersebut. Peranan secara langsung atau tidak, adalah menjadi sumber ketinggian sesuatu bangsa dan negara itu.

Kajian sejarah peranan wanita dalam pembangunan negara secara lengkap masih belum diketahui setakat mana kemampuannya. Tetapi di dalam kontek ini kita harus menyedari apakah yang menyalurkan kemajuan dan pembangunan ke arah yang

kita kehendaki itu.

Dalam hal ini menjalankan perniagaan seharusnya besar-besaran.

EKONOMI barang yang dijual buanyak sahaja yang diperlukan

di negara. Di dalam hubungan ini wanita dan lelaki adalah sama-sama terlibat di dalam usaha-usaha pembangunan negara, baik di bidang ekonomi, pelajaran dan pendidikan, sosial dan lain-lain lagi. Seperti yang terdapat di Tanah Rancangan ini, wanita-wanitanya lebih memberi perhatian kepada lapangan perniagaan. Pemupukan di dalam bidang ini diusahakan oleh Gabungan Pergerakan Wanita (GPW) yang telah secara langsung memberikan latihan melalui kursus-kursus yang disediakan serta memberi modal yang diperlukan secukupnya.

Hasil usaha GPW ini mendapat sokongan dari pihak FELDA yang amat menggalakkan peserta-peserta rancangan supaya berikhtiar mengubah cara hidup mereka di samping menambah pendapatan mereka di rancangan.

Atas daya usaha mereka itu, 41 buah kedai runcit yang dikendalikan secara individual atau secara kongsi dengan Lembaga.* Dari kajian yang dijalankan, didapati sejumlah

* Dimaksudkan bahawa pekedai itu membayar komisyen kepada Lembaga mengikut kadar bulanan atas tapak perniagaan dan gerai yang disewa.

25 buah kedai dihidupkan oleh tenaga wanita. Tetapi tidaklah semua kedai itu menjalankan perniagaan secara besar-besaran. Barang-barang yang dijual hanyalah sekadar yang diperlukan di antara jiran-jiran yang berdekatan sahaja.

Di samping mengerjakan ladang kelapa sawit, si suami juga sering membantu isterinya menguruskan kedai tersebut. Itupun bergantung kepada masa yang terluang sekiranya ia tidak ke ladang. Dari jumlah 25 buah kedai tadi, cuma 7 buah sahaja yang diuruskan oleh wanita (isteri peneroka) secara sendirian. Terdapat juga kejadian-kejadian yang aneh iaitu ada di kalangan suami-suami yang tidak membantu atau pun pergi ke ladang. Segala kerja-kerjanya diupah kepada belia-belia yang berada di rancangan. Sebaliknya mereka "berhijrah" dari sebuah kedai kopi ke sebuah kedai yang lain. Dan ada pula di antaranya dengan sepenuh minat menghabiskan masanya "bermain judi" di "wakaf" rancangan (tempat persinggahan tepi jalan).

Sebagai seorang wanita, ia adalah berhak bekerja dan berkhidmat kepada negara mengikut lunas-lunas yang diluluskan oleh masyarakat. Islam menggalakkan supaya wanita turut campur berbakti dan berkhidmat kepada negara di lapangan yang sesuai dengannya.

Malahan junjungan kita Nabi Muhammad telah memberi kemuliaan dan ketinggian kepada wanita yang dulunya tidak

mendapat tempat di dalam masyarakat atau pembangunan negara. Sejak itu barulah kaum wanita di ketengahkan sebagai anggota masyarakat yang penting untuk kemajuan negara dan bangsa. Tanpa wanita kesempurnaan tidak tercapai.

Keutamaan yang diberi kepada kaum wanita itu ialah dari segi undang-undang umpamanya ia diberi hak mempusakai harita, memiliki dan berbelanja. Ini bererti wanita berhak di dalam meninggikan nilai-nilai ekonominya sendiri. Jika orang menyangka bahawa seorang wanita cukup berkepandaian dalam hal rumah tangga iaitu dalam arti yang hanya pandai memasak dan menjahit saja, maka anggapan orang ini tentu tidak kena pada tempatnya. Lebih-lebih lagi di mana kita sekarang ini sudah jauh berada dalam zaman kemajuan sains dan teknologi.

Jelas sekali kepada kita bahawa dengan sendirinya wanita mempunyai peranan penting sebagai "bendahari" dalam rumah tangga. Walaupun demikian, wanita sebagai penyelenggara rumah tangga belum boleh dikatakan sudah dapat bermewah-mewah di dalam perbelanjaan kewangan rumah tangganya.

Seseorang wanita harus bijaksana di dalam penggunaan wang yang terbatas itu. Peranan suami cuma mencari dan memberi sebanyak nafkah yang diperolehinya untuk keperluan rumah tangga. Dan sama ada jumlah nafkah itu sedikit atau banyak, si suami tentu tidak dapat memberi komen, kerana itulah jumlah yang didapatinya. Pihak suami hanya mahu tahu hasil mata

pencariannya yang diberikan itu cukup untuk keperluan rumah-tangga. Isteri terpaksa bekerja di luar rumah. Apa lagi jika suami itu di kawasan perburukan, jadi isterinya tentu mencari nafkah.

Tetapi sebagai isteri yang bijaksana dan mengetahui akan jerih payah suaminya yang bekerja dari pagi sampai petang mencari nafkah, tentu disambutnya hasil pencarian sejulah yang kecil itu dengan bersyukur. Dan akan terbitlah persoalan: "Bagaimana aku mesti berikhtiar untuk meringankan beban suamiku?".

Seorang isteri yang mempunyai kepandaian, tentu akan menyediakan sedikit dari kesibukan waktunya itu, mencari penghasilan, dengan tidak mengurangkan tugas dan tanggungjawabnya dalam rumah tangga. Kalau ia mempunyai kepandaian dalam jahit menjahit, maka dalam lapangan inilah ia membantu suaminya. Atau mungkin juga ia berbakat berniaga, sehingga ia menjadi peniaga yang maju. Membantu suami dengan cara begini rasanya tidaklah akan menjadikan rumah tangga kacau bilau, kerana isteri itu boleh tetap tinggal di rumah dan hanya sekali-sekala keluar. Sambil ia mengawasi dan mengasuh anak-anak yang masih perlu dalam pengawasan ibunya, dan sambil sekali-sekala memperhatikan pekerjaan pembantu (anak saudara) di dapur, ia dapat pula jahit menjahit, membuat pekerjaan tangan, atau berniaga misalnya untuk menambah nafkah tadi. Memang ini pun dapat meringankan beban suami, dan suami tak perlu memikirkan hal-hal kecil dalam rumah tangga.

Terdapat juga ramai di kalangan suami yang tidak mengingini isteri terlalu banyak bekerja di luar rumah. Apa lagi jika suami itu di rumah, besar harapannya, jika isterinya sentiasa mendampinginya. Tetapi, adalah benar bahawa memang wanita semestinya mendampingi suaminya, terlebih-lebih lagi jika ia berada di rumah.

Manita yang turut berniaga, rasanya tidaklah janggal. Malah menambah kebaikan ekonomi dipandang dari pelbagai sudut. Di antaranya dipandang dari sudut membantu meringankan beban suami tadi.

Seorang ibu yang berkeluarga besar, dan anak-anak mulai dewasa, acapkali terpaksa membelanjakan pendapatan rumah tangga yang berlebihan. Dan kalau kewangannya hanya mencukupi keperluan sehari-hari, maka dari manakah akan dicari wang untuk perbelanjaan yang tidak disangka-sangka itu?.

Pelajaran Dan Pendidikan

Tanggungjawab lain yang dimainkan oleh kaum wanita ialah pengasuhan. Dan oleh kerana tradisi ini, wanita telah menumpukan perhatian mereka ke arah pendidikan sebagai satu lapangan yang intensif, di mana akhirnya ia telah menjadi sesuatu yang dikhususkan kepada kaum wanita secara eksklusif.

Di dalam bidang pelajaran dan pendidikan, ugama menyuruh wanita dan juga lelaki belajar setinggi-tingginya

untuk membina peribadinya dan untuk dicurahkan kepada masyarakatnya nanti.

Bidang pendidikan memang dikhatuskan kepada wanita, sesuai dengan keistimewaan-keistimewaan semulajadi yang diberi oleh Tuhan kepada jenis wanita. Keadasarni jelas kelihatan di tanah rancangan di mana 4 orang wanita yang mempunyai pendidikan menengah dan mendapat latihan dari KEMAS (Kemajuan Masyarakat) telah menubuhkan kelas bimbingan untuk wanita-wanita rancangan dan kanak-kanak (TADKA). Tenaga pengajar itu terdiri dari 2 orang anak peneroka yang setelah lulus pelajaran menengah telah berkahwin dengan peneroka di situ dan terus menetap di rancangan. 2 orang lagi ialah guru-guru sekolah rendah yang menetap secara menumpang keluarga peneroka di rancangan.]

Kelas bimbingan yang diselenggarakan oleh pihak KEMAS untuk kaum ibu disebutkan sebagai "Kelas Panduan Rancangan Tugasan (PRT). Melalui kelas inilah wanita-wanita rancangan dapat meluaskan lagi pengetahuan dan bidang pelajaran mereka. Hasilnya, wanita-wanita tadi dapat memberi pendidikan dan memimpin anak-anak mereka yang menghadiri kelas "tadika". Kelas PRT ini dijalankan di sebelah petang, 3 kali seminggu iaitu setiap hari Selasa, Khamis dan Sabtu. Selain daripada kelas bimbingan dewasa, Kelas PRT ini juga mengadakan Kelas Urusan Rumah tangga untuk wanita-wanita di

di sini mempelajari cara-cara masakan, jahit menjahit dan sebagainya. Sambutan yang diberikan oleh pihak wanita rancangan amatlah menggalakkan. KEMAS juga mengadakan kelas TADIKA bagi kanak-kanak yang di bawah umur 7 tahun (yang belum menduduki bangku sekolah). Kelas ini diadakan di sebelah pagi bertempat di Sekolah Rakyat Rancangan. Terdapat perbezaan pendidikan yang diberikan oleh kelas ini daripada lain-lain kelas 'tadika' iaitu kelas ini juga memberikan kelas bimbingan ugama kepada kanak-kanak sebagai salah satu daripada karikulum pelajaran mereka. Kelas yang diadakan setiap hari ini dibimbing oleh 2 orang guru (wanita). Guru-guru ini diberi bayaran elauan oleh pihak Lembaga tiap-tiap bulan. Elauan ini dipungut dari setiap seorang peneroka sebanyak \$4.00 sebulan oleh pihak Lembaga melalui potongan dari penjualan hasil kelapa sawit.

Selain daripada dua bentuk pendidikan bercorak sekular seperti pendidikan dewasa dan urusan rumah tangga, wanita tanah rancangan juga mengadakan bimbingan kelas ugama pada setiap petang Rabu dan Jumaat. Kelas ugama ini diselenggarakan oleh GPW dengan kerjasama Majlis Hal Ehwal Ugama Negeri. Atas usaha GPW, pihak Lembaga Bukit Bading telah memperuntukkan perbelanjaan bagi menyediakan tempat seperti surau di setiap Peringkat, syarahan dan kelas ugama dari ustaz serta ustazah ~~sesputan~~ di Bangunan Sekolah Ugama Rakyat serta bimbingan ugama di masjid pada setiap malam Jumaat.

Juga kegiatan-kegiatan dakwah islamiah yang dianjurkan oleh dua badan ugama seperti Yayasan Dakwah Negeri dan PEKEMAS (Perbadanan Kebajikan Masyarakat).

Syarahan-syarahan dan ceramah-ceramah ugama yang dikhaskan untuk belia dan beliawanis diadakan di Bangunan GPW. Namun begitu kaum ibu bapa juga dijemput hadir. Dan syarahan serta ceramah ini diadakan seminggu sekali bagi tiap-tiap peringkat yang berasingan. Tetapi sambutan yang diberikan begitu dingin sekali. Yang hadir cuma beliawanis dan kaum ibu sahaja. Itupun tidak semua wanita dari Peringkat-Peringkat yang ditetapkan menghadirkan diri. Mereka lebih suka menghabiskan masa-masa yang ada, sama ada berbual-bual dengan jiran atau mengerjakan kawasan tanah di belakang rumah atau pun juga membersihkan kawasan sekitaran rumah mereka.

Bidang pendidikan adalah jurusan yang paling sesuai dengan wanita. Kerana "tangan" wanitalah yang dapat membentuk jenerasi yang akan datang menjadi rakyat bangsa yang dikehendaki oleh tanah air, bakal menjadi pemimpin yang dapat mencorakkan negaranya kepada kebaikan.

Dari aspek-aspek ini kita dapati bahawa wanita-wanita adalah digalakkan campurtangan di dalam bidang sosial untuk menyusun masyarakat dengan menceburkan diri di dalam perkhidmatan suka rela. Cuma di dalam bidang pekerjaan wanita perlu kepada pengajian kerana semulajadinya telah diwujud-

kan oleh Allah pembahagian tugas yang sesuai dengan kejadian lelaki dan wanita itu sendiri.

Wanita Dan Kesihatan

Rasanya tidak seorang wanita yang akan menafikan, jika kita mengatakan bahawa wanita itu, baik ia muda atau pun tua, suka pada keindahan diri. Dan sifat ini bukanlah sifat yang tercela, malah ianya sungguh baik dari segi kesihatan, terutama sekali untuk kepentingan kesihatan badan kita. Bukan-kah akan tergendala kerja-kerja di tangan, jika kesihatan kita sering terganggu.

Banyak tanggungjawab yang harus dipikul oleh wanita. Ia merupakan seorang anggota masyarakat yang bekerja dan ber-gaul di tengah masyarakat. Ia seorang isteri yang harus memenuhi bakti kepada suami, ia seorang ibu kepada anak-anaknya dan ia seorang pengendali rumah tangganya. Semuanya ini memerlukan kesihatan yang cukup agar perjalanan hidupnya teratur dalam memenuhi kewajipannya yang baik itu hingga ia seja-jar dengan umurnya, tetap mempunyai kesegaran dan semangat sampai di hari tuanya.

Alangkah suramnya rumah tangga mempunyai ahli-ahli yang sentiasa sakit-sakit. Keciwa pula masyarakat melihat anggota-anggota kelompoknya sering tidak dapat hadir di mana-mana upacara yang perlu, dan keciwa pula sebuah keluarga kerana rumah tangga tidak beres dikerjakan oleh kerana pengurus

rumah tangga itu menghidapi penyakit.

Untuk menjaga kesihatan merupakan perkara yang amat penting terutama sekali dalam menguruskan kerja-kerja yang memerlukan penggunaan tenaga yang banyak. Dengan lebih tepat, kesihatan penerokawati perlu dijaga supaya kerja-kerja yang dipertanggungjawabkan kepadanya tidak tergendala. Sebaliknya masalah kesihatan telah merupakan persoalan pokok kepada peserta rancangan sejak ianya dibuka hingga sekarang.

Apakah sebabnya?

Baiklah kita tinjau dari aspek kegiatan yang dijalankan oleh penerokawati-penerokawati di tanah runcangan. Mengeluarkan tenaga dengan tidak mengimbangi kekuatan badan tidaklah baik untuk kesihatan. Kerena itu haruslah dibuat pembahagian waktu di dalam menjalani kewajipan-kewajipan itu, dan beristirehat sebentar untuk mengumpulkan tenaga kembali.

Di tanah rancangan Bukit Beding, banyak kelihatan penerokawati-penerokawati yang mengeluarkan tenaga melebihi kekuatan badan, seperti umumnya membersihkan kawasan ladang, memungut buah dan memotong pelepah (sekali sekala) dari pagi hingga ke petang dan sambil bertanak di rumah untuk keperluan keluarga. Ke semua kerja-kerja ini memerlukan tenaga yang gigih.

Anggota masyarakat pasti tahu, bahawa tempat utama kaum wanita adalah rumah tangga dan bukannya kawasan ladang

yang luas. Sedangkan apa yang kelihatan di rancangan ini ialah beban-beban lain yang terdapat ladang, dan wanitalah yang mengerjakannya. Malah terdapat beberapa orang penerokawati yang terpaksa mengerjakan ladang itu secara bersendirian kerana beliau telah kematian suami.

Kesedaran wanita terhadap kesihatan keluarga boleh dikatakan juga tersangat kurang. Apa yang ujud pada fikiran mereka cuma bekerja untuk mencari nafkah hidup, dan asalkan ada makanan maka sudah cukup keperluannya. Tetapi mereka tidak berfikir sama ada makanan-makanan itu berzat atau tidak. Mengikut pandangan mereka memadailah dengan makanan yang sekadar memocah selera.

Di peringkat pengusahaan tanah penerokawati telah terdedah kepada serangan-serangan penyakit akibat dari pengwalan kesihatan yang tidak teratur. Keadaan ini berpunca dari air minuman, makanan, tandas dan lain-lainnya yang tidak mengikut peraturan kesihatan. Sebenarnya peserta rancangan adalah 'tidak sedar' tentang langkah-langkah menjaga kesihatan dan terbawa-bawa dengan kelaziman mereka sewaktu di kampong asal dulu. Mereka masih mempercayai kuasa-kuasa ghaib - yang menyebabkan penyakit - di mana dipercayai hanya bomoh sahaja yang dapat mengubati penyakit itu. Ini ternyata kerana seorang bomoh telah digunakan untuk mengubati penyakit bayi yang baru dilahirkan. Bomoh itu dijemput dari luar rancangan (Kuala Brang) dan diberi penghormatan yang tinggi oleh pene-

roka. Dengan hal ini ubat-ubatan yang dapat diperolehi di klinik rancangan tidak digunakan untuk menentang penyakit itu.

Di-samping itu makanan yang kekurangan zat boleh menyebabkan penyakit-penyakit mudah dihinggapi. Memang banyak makanan yang enak-enak, tapi tidak semua makanan baik untuk kesihatan dan pemeliharaan tubuh badan. Hal inilah yang di-praktikkan oleh peserta-peserta rancangan. Mereka telah menggunakan bahan-bahan makanan yang rendah nilai zatnya. Ini disebabkan oleh kaitannya dengan pendapatan keluarga dan bilangan ahli keluarga yang ramai.

Namun, penerokawati telah memberikan perhatian yang banyak kepada makanan dalam menjaga kesihatan tubuh badan. Terdapat banyak larangan-larangan makanan untuk wanita yang disebut "pantang". Dalam amalan pantang ini, wanita-wanita rancangan bersandarkan kepada amalan yang sesuai dengan penjagaan kesihatan badan untuk diri wanita itu sendiri.

Hengikut laporan kawalan kesihatan, mereka-mereka yang dihinggapi penyakit bagi tahun 1975 - 1977 seramai 38 orang (47.5%), dan tahun 1977 - 1979 seramai 42 orang (52.5%). Perangkaan ini merupakan peratusan yang agak tinggi bagi penduduk rancangan.

Sebenarnya terdapat juga langkah-langkah yang diambil oleh pihak Lembaga RKT berhubung dengan perkara ini. Peruntukan khas telah diadakan sebagai memberi bantuan kepada

peserta Tanah Rancangan sebanyak \$5000 setahun. Peruntukan ini memang wajar akan tetapi apa yang harus ditekankan oleh pihak Lembaga RKT ialah tentang langkah-langkah untuk mencegah dan memberi rawatan segera kepada peserta-peserta rancangan.

Bahagian yang penting di dalam menjaga kesihatan ialah melalui cara kebersihan. Bukan sahaja tubuh kita harus bersih, tetapi tempat dan kawasan juga mestilah bersih; baik di rumah maupun di tempat kerja. Dengan demikian kuman-kuman penyakit tidak mudah merebak atau dijangkiti. Agar perkara-perkara ini diamalkan oleh peneroka-peneroka, pihak GPW dengan kerjasama pihak Lembaga telah mengundang Pegawai Kesihatan dari Jabatan Kesihatan Negeri untuk memberi penerangan-penerangan mengenai kesihatan.

Mengikut keterangan yang diberikan oleh Pegawai Pembangunan Penerokawati (SDA)⁺, kawasan-kawasan rumah yang bersih dan dijaga rapi akan diberi ganjaran oleh pihak Lembaga. Lawatan-lawatan dibuat 2 minggu sekali bagi tiap-tiap blok secara bergilit-gilir. Dan hasilnya, penerokawatilah yang memainkan peranan membersihkan kawasan sekitar rumahnya. Pekerjaan ini akhirnya menjadi perlakuan harian di mana didapati setiap pagi dan petang mereka membersihkan kawasan hala-

⁺Settlers Development Assistant (Pembantu Pembangunan Penerokawati).

nan rumah seperti biasa.

RAJAH II

Ramai di antara penerokawati yang tidak mengunjungi klinik kesihatan rancangan untuk mendapatkan nasihat serta rawatan. Sedangkan ini pun penting ertiinya bagi pemeliharaan kesihatan penerokawati-penerokawati. Keadaan ini dijelaskan oleh Pegawai Klinik Kesihatan Rancangan Bukit Bading. Menurutnya penerokawati-penerokawati hanya datang ke klinik apabila mereka akan melahirkan anak atau pun ketika mereka mempunyai anak kecil di bawah umur 3 tahun. (Lihat Rajah I). Kadang kalanya bidan sendiri melakukan lawatan ke rumah-rumah yang berkenaan. (Rajah II).

RAJAH I

Kedatangan Ibu Mengandong

Dibentuk Rajah I & II dibentuk dari maklumat Klinik



Maklumat Rajah I dan Rajah II diperolehi bantuan 26

orang sebaik sahaja berjaya melahirkan seorang bayi yang menggunakan klinik yang sama. Maklumat ini diperolehi dari pertemuan dengan Dinas Perhubungan Negeri Selangor. Selain itu, maklumat ini diberikan oleh Pegawai Perhubungan Negeri Selangor.

Keluarga dan perancang dan RAJAH II tetapi ia pun tidak mem-

buktikan kebenaran.

Bidan: Bilangan Lawatan Ke Rumah

Dijelaskan, pengaruh ini berlaku kerana keluarga ti-

dak lagi tinggal di rumah mereka semasa mereka


berada di luar negara. Mereka yang tinggal di luar negara sejak

lebih dua tahun tidak menghadiri lawatan dari 20 orang wanita


yang tinggal di dalam negara. Keluarga yang tinggal di luar

negara mengalami peningkatan dalam bilangan keluarga

yang menghadiri lawatan ke rumah mereka. Dalam



Rujuk:



Nota: Rajah I & II didapati dari Rekod Klinik

Kesihatan Kecil Bukit Badung.

Walaupun klinik di rancangan dikhurasukan untuk kes-kes perbidanan dan 2 orang bidan kerajaan ditempatkan, terda-pat juga Doktor Pelawat yang datang dari Klinik Kesihatan Ajil. Doktor tersebut ditugaskan mengubati penyakit-penyakit ringan seperti demam, luka-luka, sakit gigi dan sebagainya.

Mengenai Perancang Keluarga didapati hanya 26 orang sahaja daripada 80 isteri-isteri yang mengamalkannya. Walaupun lebih ramai yang mendengar tentang Perancang Keluar-nga dari ceramah-ceramah yang diberikan oleh Pegawai Perancang

keluarga dan penerangan dari radio tetapi ianya tidaklah memberi kesan kejayaan apa-apa. Namun begitu semasa kajian ini dijalankan, pengetahuan mereka tentang Perancang Keluarga tidak lagi tipis seperti dulu. (Rajah III).

Mengikut keterangan Bidan Kerajaan di Rancangan, dari seluruh jumlah penduduk tidak kurang dari 20 ibu bersalin setiap tiga bulan. Angka yang begini ramai disebabkan kegalan ibu-ibu mengamalkan Perancang Keluarga. Terdapat sebab-sebab mengapa ramai di kalangan ibu-ibu di Rancangan tidak mengamalkan Perancang Keluarga. Di antaranya ialah:-

+ Ada kalangan ibu yang masih ragu-ragu

tentang kebenaran Perancang Keluarga

dan Perubatan Modern (32%)

* Terdapat ibu-ibu yang masih berpegang pada konsep "rezeki" anak dari Tuhan (15%)

* Dianggap bertentangan dengan ajaran ugama - menyekat kandungan (30%).

* Terdapat ibu-ibu yang mencuba tetapi gagal dan hampa (12%).

* Ada yang merasa "rendah diri" dan "malu", lebih-lebih lagi memperkatakan hal-hal merancang (11%).

Bagi penerokawati-penerokawati yang mahukan anak-anak mereka hidup sempurna dan sihat 32.4% daripada keseluruhan penduduk RKT mengamalkan Perancang Keluarga. Alasannya yang diberikan kepada pengkaji ialah semoga anak itu berjaya di dalam pelajaran di mana kelak dapat pula mengabah nasib mereka yang serba kekurangan. Di samping itu mereka juga dapat memperoleh perhatian yang lebih cukup kepada keluarganya dan masalah-masalah yang timbul bersabit dengan keluarga.

RAJAH III

Perancang Keluarga Klinik Desa Bt. Badung 1979

Bulan	J	F	M	A	M	J
Bil. Lahir	20	20	20			
Penerima Sementara	NIL	2	NIL			
Baru	2	NIL	3			
Ulangan	57	40	47			
Ienjutan	12	73	113			
Gagal	3	3	9			
Berikutan Gagal	3	1	5			

RAJAH IV (a)

Kekerapan Mengunjungi Klinik

	Bil.	%
Selalu	43	53.75
Jarang	28	35
Tidak Pernah	9	11.25
Jumlah	80	100

Rajah IV memberi pertunjuk bahawa 54% daripada 80 responden memberi kepercayaan penuh terhadap rawatan Bidan Kerajaan. Walau bagaimanapun masih terdapat kes-kes di mana penerokawati-penerokawati memanggil Bidan Kampung dan berikhtiar dengan ubat-ubatan secara kampung.


Walaupun tidak perlu merasa tidak, jika anda wadai sokongan minyak giat mengunjungi bid-bid dan buah-buahan di rumah keluarga. Sejurus tidak kurang mengujah buah wadai mengandungi protein penting di dalam aktiviti hidup anda. Untuk kepentingan berantau dan ketika ini kita telah diserahkan sama dan mesti menganggapnya sendiri, sekingtu mungkin bagi kita untuk memahami tentang arti kesediam yang diberi pada setiap hari.

Kesediaman buaya dapat dilihat dari hasil hasil

RAJAH IV (b)

Perbidaan Dalam Kawasan Operasi

Menunjukkan bantuan dan pengalaman bantuan berdasarkan kawasan operasi.



Bidan Kerajaan



Hospital Bersalin
Tidak Selamat.



Birth Before Aid (BBA).



Bidan Kampung.

Institusi Wanita - GPW

Kita sebenarnya tidak perlu merasa hairan, jika kaum wanita sekarang sangat giat memperjuangkan hak-hak dan nasibnya ke arah kebaikan. Sejarah tidak kurang menunjukkan bahawa wanita memegang peranan penting di dalam erti kedudukan untuk kepentingan bersama dan ketika inilah wanita telah memperlihatkan masa dan zaman membawa nilainya sendiri, sehingga sukar bagi kita untuk menentukan tentang erti kemajuan yang dicapai pada setiap tahun.

Kesenangan hanya dapat dinikmati hasil dari kegigihan.

an dan titik peluh. Kerana itu para penerokawati tidak taksut atau was-was untuk bersama-sama suami mereka meneroka keper-kampungan baru, dan meninggalkan kampung halaman mereka.

Bagi mereka tanah-tanah yang baru dibuka inilah yang akan menjadi kampung mereka dan anak-anaknya. Mereka tidak ikut rugi, kerana adalah terbukti sudah bahawa berbudi kepada tanah tidak pernah mengecewakan. Bagi mereka di manapun sahaja ada rezeki, apa yang perlu ialah usaha dan semangat tekun dan sabar. Mereka juga sudah mengambil keputusan mahu mencuba dan mengubah sedikit cara hidup yang telah dilalui selama ini dengan harapan akan dapat memperbaikki kedudukan dan pendapatan keluarga. Ini semua dibuat demi untuk kebaikan dan kebahagian keluarganya.

Peluang telah dibuka oleh kerajaan, jalan telah ditunjukkan, maka terpulanglah kepada mereka untuk menempoh dan menerokanya dengan tabah.

Adalah penting para penerokawati mengambil Tanah-Tanah Rancangan tempat mereka meneroka itu sebagai kampung halaman sendiri. Di perkampungan baru ini, para penerokawati yang mempunyai tanggungjawab yang besar dalam rumah tangga juga turut memainkan peranan membantu suami-suami mereka bekerja di ladang-ladang. Para penerokawati ini sedar, kaum wanita tempatnya bukanlah hanya di dapur sahaja, malah mereka harus mengambil bahagian yang cergas dalam membangunkan ke-

luarga sendiri khasnya dan masyarakat Tanah Rancangan umumnya. Dengan ini, mereka dapat turut memainkan peranan dalam pembangunan negara.

Kerana kesedaran inilah, Gerakan Perkumpulan Wanita yang telah ditubuhkan di rancangan-rancangan tanah pada tahun 1969 itu telah mendapat sambutan hampir 70% daripada para penerokawati. Di samping itu pada suami yang menjadi peneroka juga turut memberikan sokongan ke atas kegiatan-kegiatan gerakan ini.

Ketika menemui Pegawai Bahagian Pembangunan Penerokawati, pengkaji diberitahu bahawa tujuan Gerakan Perkumpulan Wanita ditubuhkan di tanah rancangan ialah untuk mengujudkan satu masyarakat wanita yang maju dan progressif. Di samping itu juga para penerokawati diberi peluang untuk mendapatkan pengetahuan dan mengambil bahagian yang cergas dalam kegiatan wanita hingga terbina satu taraf hidup masyarakat yang tinggi.

GPW ini juga diujudkan sebagai satu saluran perhubungan dan perundingan dalam menjayakan projek pembangunan dan kemajuan masyarakat di rancangan. Pegawai SDA juga menegaskan bahawa, para penerokawati memainkan peranan secara langsung dalam pembangunan masyarakat katanya:-

"Untuk mencapai satu taraf hidup yang lebih sempurna, peranan dan tanggung-jawab penerokawati adalah sama penting-

nya dengan tugas kaum lelaki".¹

Tujuan GPW:²

* Mewujudkan semangat kemasyarakatan

di kalangan wanita-wanita rancangan.

* Memberi pelajaran, latihan dan kema-

hiran dalam bidang pengurusan dan

ekonomi rumah tangga.

* Memberi peluang kepada wanita rancangan

kerja agar "mengambil bahagian cergas dalam kegiatan". Tu-

lah wadai per pembangunan rancangan.

* Merapatkan persahabatan dan persefahaman

berpindah dari antara wanita-wanita rancangan.

* Mewujudkan satu nilai masyarakat moden

dan progressif.

* Mencungkil dan mengasah bakat-bakat

pemimpin di kalangan wanita rancangan.

Bilangan yang boleh memimpin ini sangat berkurangan. Memang

tidak boleh dinafikan bahawa untuk menjadi ketua bukanlah

senang atau dalam ertikata lain - mudah, kerana pemimpin yang

sabar, tabah dan berani menghargai dan menghadapi, beberapa

¹ Pertemuan dengan Pegawai Pembangunan Penerokawati Bukit Badung, Trengganu.

² Ibid., sejak Zulkefly ditetapkan, wajah telah banyak yang

cabaran, sememangnya sukar dicari.

Begitulah kenyataan beliau, bahawa walau apa pun cabaran yang diterimanya, Pegawai SDA tadi berazam terus untuk menggiatkan dan memajukan GPW di tempatnya demi untuk mencapai matalamat yang dituju.

Baginya, seperti yang diterangkan dalam perbincangan lepas, wanita tempatnya bukanlah hanya di dapur sahaja. Seorang isteri harus bersama suaminya dalam setiap usaha dan kerja agar 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'. Telah ramai penerokawati yang turut bekerja bersama-sama suami mereka di ladang-ladang luas kelapa sawit. Tujuan mereka berpindah dari tempat lama ke ranangan tanah ini ialah untuk cuba mengubah nasib dan cara hidup yang serba miskin.

Memang banyak faedah dan keuntungan yang diperolehi oleh penerokawati kalau mereka menyertai kegiatan GPW. Melaluiinya, para penerokawati diberikan kemudahan latihan agar mereka dapat memainkan peranan dalam pembangunan masyarakat dengan sempurna. Di samping itu juga bila tiba masanya, seperti suami meninggal dunia, si isteri sudah sedia, boleh mengambil alih tugas-tugas yang selama ini dipikul oleh suami, termasuk menguruskan ladang. Hal ini jelas sekali dari beberapa orang penerokawati yang kematian suami.

Kalau ditinjau sikap dan keadaan para penerokawati hari ini, sejak Lembaga ditubuhkan, memang telah banyak yang

berubah. Bagaimanapun, untuk menarik minat penerokawati menyertai pergerakan ini GPW tidak pula menghadapi masalah besar dalam usaha menggalakkan mereka memainkan peranan dalam pembangunan masyarakat.

Di antara kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh GPW termasuklah bidang:-

- + mengadakan kelas-kelas masakan, jahitan, kerjatangan dan urusan rumah tangga di block-block dan balai raya yang terdapat di rancangan.
- + mengadakan ceramah-ceramah berkenaan ugama, pengurusan rumah tangga, kesihatan, perancang keluarga dan lain-lain.
- + projek kebajikan seperti khairat kematian.
- + projek perniagaan seperti pinggan mangkok dan lain-lain perkakas rumah dan kontrek masakan untuk jamuan.
- + kerja-kerja suka rela seperti gotong royong, kelas bimbingan dan lain-lain.

Juga menjalankan antara lainnya:-

- + projek pertanian seperti ternakan lembu,

ayam telur dan daging serta,

* projek kemahiran tangan seperti
tenunan, anyaman dan lain-lain.³

Di samping memperolehi kepandaian, ilmu pengetahuan dan tunjuk ajar dalam berbagai bidang, penerokawati juga dapat bermesra antara satu sama lain. Naib Pengerusi GPW berkata, sambutan dan kerjasama yang diterima daripada penerokawati sendiri dan suami mereka amat menggalakkan, walaupun kadangkalanya banyak cabaran yang dihadapinya.

Para penerokawati sedar betapa pentingnya mereka mengambil bahagian dalam usaha untuk memperbaiki kedudukan dan membangunkan keluarga peneroka khasnya dan masyarakat rancangan amnya.

Kejayaan beberapa projek GPW di Bukit Bading menunjukkan betapa penerokawati di sana mahu mengubah dan memperbaiki kedudukan mereka dan keluarga. Antara projek yang mencapai kejayaan termasuklah kegiatan kemahiran seperti jahitan dan kerjatangan, gotong royong membersihkan kawasan rancangan dan perumahan, projek ternakan dan pertanian iaitu memelihara ayam telor/daging, menanam halia dalam kampit baja

³Keterangan dari Pengerusi GPW.

dan sebagainya.

Menurut Naib Pengurus GPW lagi, projek menanam halia dalam Kampit Baja itu telah dimulakan di Peringkat II sebagai projek contoh kepada lain-lain Peringkat. Hasil yang diusahakan oleh penerokawati di tempatnya itu telah memberikan hasil yang berfaedah untuk menambah kewangan (pendapatan) kepada penduduk setempat mahu pun kepada GPW sendiri.

Konflik GPW telah pun menyusun beberapa kegiatan berfaedah untuk para penerokawati. Kegiatannya telah pun diatur dan dirancang dengan begitu teliti demi untuk kebaikan dan kepentingan penerokawati serta keluarga peneroka seluruhnya. Bagi pihak penerokawati pula mereka telah menunjukkan sikap dan kemauuan ingin membaiki kedudukan dan terus maju dalam berbagai lapangan agar tidak ketinggalan dalam pembangunan negara. Hidup di kawangan pada milanya memanglah terdapat berbagai masalah dan cabaran yang perlu dihadapi, akan tetapi dengan semangat untuk mengubah cara hidup maka kejayaan tetap akan tercapai.

Baru-baru ini seramai 332 orang para penerokawati yang mewakili ahli-ahli GPW dari 248 buah runcangan tanah telah menghadiri Seminar Cerakan Perkumpulan Wanita FELDA 1979 yang pertama kalinya di Universiti Pertanian, Serdang, Selangor. Mereka telah sama-sama membincangkan 3 kertaskerja selama 4 hari berturut-turut. Bagi mereka, seminar seperti

ini memang banyak mendatangkan hasil dan faedah kepada ahli-ahli GPW.

Dengan itu jelas bahawa GPW Bukit Bading diwujudkan bukanlah setakat menjadi sebuah persatuan wanita sahaja, sebaliknya ia juga merupakan satu saluran yang berperanan penting dalam menghubungkan dan menjayakan projek pembangunan dan kemajuan masyarakat di rancangan tanah FELDA ini.

Konflik Wanita (Penerokawati)

Suatu langkah yang sukar kita elakkan jika kita melibatkan diri ke dalam masyarakat ialah, pergaulan. Dunia telah maju sehingga bukan masanya lagi wanita tetap berada dalam rumah saja dan tidak dibolehkan keluar. Sekurang-kurangnya wanita akan keluar rumah untuk bertemu rakan-rakan atau pergi ke majlis-majlis keramaian dan sekali pun hanya ke pasar membeli belah. Dan dengan yang demikian, mau tidak mau, terpaksa bergaul dengan seluruh manusia yang hadir, baik khusus dengan kaum wanita sahaja maupun dengan masyarakat keseluruhannya.

Apa lagi bagi wanita yang bekerja atau yang mene-tap di dalam ikatan perkumpulan atau organisasi tanah rancangan, tentulah dimestikan bergaul kerana masyarakat dalam rancangan itulah yang menjadi objek usahanya. Dan ada kalanya, pergaulan ini mudah pula mendatangkan salah faham atau perlakuan yang tidak baik, jika tidak dijaga cara bagaimana

seseorang itu harus bergaul dengan individu lainnya. Maka keadaan yang ujud ini dikatakan sebagai konflik. Ini adalah disebabkan bahawa konflik itu adalah sebahagian daripada sistem sosial. Timbulnya konflik ialah bila dua unsur atau pun lebih bertemu. Coser mendefinisikan konflik sebagai:-

"The struggle over values and claims over status, power and source in which the aims of the appointments are to neutralise, injure or eliminate their rivals".¹

Konflik memainkan peranan yang penting bukan sahaja bersifat 'dysfunctional' iaitu meruntuhkan. Tetapi juga mempunyai fungsi yang positif, yang membawa kepada perpaduan dalam unit-unit yang kecil akibat perpecahan tadi. Konflik ujud secara terjelma (manifest) atau tersembunyi (latent).

Coser mengatakan 2 punca besar yang menimbulkan konflik di dalam masyarakat iaitu:-²

1. Perbezaan nilai
2. Perbezaan kepentingan.

¹Coser, L.A.³ *The Function of Social Conflict*, London, Routledge, Kegan Paul Ltd. 1956, m.s. 8.

²Ibid, m.s. 56.

Konflik yang berdasarkan kepentingan di sini adalah berbentuk "latent". Misalnya konflik yang berlaku akibat daripada larutan pertengkaran kecil yang bermula dari kensialan anak-anak. Kaum ibu akan mengambil campur tangan di dalam perbalahan kecil anak-anak hingga akhirnya berlaku pula perbalahan yang lebih besar. Akhirnya, apabila kedua ibu kepada anak-anak itu bertemu muka secara kebetulan di pasar atau tempat-tempat keramaian maka mereka akan bersama-sama muka dan tidak bertegur sapa di antara satu sama lain.

Sebagaimana yang diterangkan tadi bahawa konflik juga dapat menimbulkan integrasi atau perpaduan di kalangan umsyarakat, Bukit Badung. Konflik ini adalah berpunca daripada salah faham dalam pimpinan Blok.

Ini dapat dilihat dari suasana pergaulan sehari-hari di kalangan wanita-wanita Rencangan. Suasana pergaulan mereka adalah tertakluk kepada kelompok kedaerahan. Apakah individu yang hadir atau sedang berbual atau bergaul itu semuanya dari satu daerah? Jika demikien halnya, maka tentu tidak ada salahnya untuk bergaul sesama mereka kerana kedaerahan ini menunjukkan pula rasa kekeluargaan yang lebih erat.

Tetapi andai kata di antara orang-orang yang hadir atau sedang bergaul itu terdapat pula orang yang berasal dari daerah lain, maka tentunya pihak yang pertama tadi akan mengasingkan diri mereka supaya dengan itu pihak kedua di ketepikan.

Perkara ini bukan hanya ujud pada seseorang individu tetapi sebaliknya keseluruhan individu yang tinggal dalam Blok-Blok yang berasingan. Hal ini disebabkan oleh cara pengambilan dan penempatan peserta rancangan itu tidak diatur dengan sebaik-baiknya. Pada setiap Peringkat atau Blok, akan jelas kelihatan asal usul sebahagian besar penghuni rancangan itu hanya dari sebuah negeri (daerah setempat). Justeru itu, individu yang berasal dari kelompok minoriti terpaksa menyesuaikan diri mereka dengan keadaan yang ujud. Namun mereka tetap disisihkan dari masyarakat Blok/Peringkat berkenaan.

Kita sedar bahawa suasana pergaulan dapat membawa masyarakat ke arah kemajuan. Malah inilah tempat sebaik-baiknya untuk membimbing mereka-mereka yang paling memerlukan bimbingan.

Satu sifat yang kurang baik yang acapkali terdapat dalam pergaulan wanita ialah membicarakan atau mempercakapkan perihal seseorang. Sifat ini biasanya terdapat pada kaum wanita. Kalau dua atau tiga orang wanita sudah berkumpul, maka adalah sesuatu kebiasaan untuk wanita memperkatakan hal-hal yang terdapat pada seorang individu lain pula.

"Tujuh orang lelaki adalah sama dengan seorang wanita dalam perkara bercakap".³

³Ahmad Azam, Jiwa Perempuan, Pulau Pinang, 1953. m.s.

Apakah ini dilakukan kerana dengki, iri hati atau dengan maksud baik, bagi wanita bukanlah menjadi soal. Tapi bila ini hampir menjadi sifat semulajadi kepada tiap-tiap wanita. Dia memang suka bercerita atau menyebut-nyebut walaupun perkara yang tidak ada kena mengena dengannya. Selalu-nya wanita ingin mencampuri perkara orang lain, gemar membesar-besarkan perkara-perkara yang kecil.

Mungkin juga kesannya akan berlaku perbuatan pihak memihak di mana yang terlibat akan mencari pengaruh dari jiran-jiran yang rapat dengannya. Mereka akan berusaha untuk menimbulkan rasa bersatuhan dengan mempergunakan "sense of humor" mereka. Lalu, serentak dengan itu, pulau memulau antara peserta rancangan akan timbul dan suasana menjadi lebih buruk.

Rumusan:

Dalam analisa yang pengkaji telah mendapati bahawa terdapat kecenderongan kepada penerokawati untuk berpindah dari kampung asal dan menerima tempat baru sebagai mencapai penghidupan baru. Ini bersetujuan dengan konsepsi Redfield mengenai masyarakat tani di mana beliau menyatakan:-

"..... peasants are closely attached to the land and assigning an intrinsically positive value to agriculture

as a way of life".⁴

Dalam pada itu juga masyarakat tani telah menunjukkan sikap ingin mengubah cara hidup mereka daripada kehidupan berbentuk tradisi yang dipusakai dari ibu bapa mereka. Pendeknya, mereka ingin menjadi petani moden yang serba maju dalam segala hal. Sebilangan daripada mereka telah pun menggerakkan langkah untuk bergiat di dalam pekerjaan sampingan seperti berniaga, selain daripada kerja-kerja ladang untuk membuktikan cita-cita mereka dalam mengubah cara hidup kepada apa yang dipanggil 'Petani Moden' itu.

Kemudian politik alih milik atau politik suatu entiti sebagai pendahulu Rencana. Untuk itu masyarakat petani mengadakan buku untuk memfasilitasi berbagai perkembangan tertentu dalam organisasi politik.

"... did not want to end were unable to do so power because now consistently practice power as cruel, inhuman and undesirable."⁵

Petikan di atas hanya memberi arah garisbenar mengenai buku untuk di menggunakan halus jauh sebelumnya terlebih di sebuah kongresion buku lelaki. Tetapi sejuzuk telah menjelikkan segala bentuk buku-buku kepada catatan konyutuan. Muni-

⁴ Redfield, Robert, *The Little Community/Peasant Society And Culture*, The University Of Chicago Press, Chicago, 1956, n.s. 60 - 79.

BAB V

POLITIK DAN KEPIMPINAN

Dalam bab yang lalu pengkaji telah menulis tentang wanita dan aktiviti-aktiviti sosio-ekonominya, yang melibatkan perkembangan-perkembangan baru dalam hidup penerokawati atau masyarakat Rancangan Bukit Badung. Dan dalam bab yang akan dibincangkan ini, pengkaji akan meneruskan ulasan perbincangan mengenai peranan wanita di dalam bidang politik dengan menonjolkan individu-individu yang dianggap sebagai pemimpin di kalangan penduduk-penduduk wanita Rancangan. Kemudian pengkaji akan melihat proses politik wanita sebagai penduduk Rancangan Tanah dan kemunculan pemimpin-pemimpin baru untuk menduduki bahagian-bahagian tertentu dalam organisasi politik.

"Women did not want to and were unable to handle power because men consistently portrayed power as cruel, inhuman and undesirable."¹

Petikan di atas hanya memberi satu gambaran mengenai kaum wanita di masa yang lalu yang sememangnya terletak di bawah kongkongan kaum lelaki. Tetapi sejarah telah menjadikan segala bentuk kecabutan kepada satu kenyataan. Wan-

¹ Safilios-Rothschild, Constantina., Women And Social Policy, Prentice-Hall, New Jersey, 1974. m.s. 141.

ta kini tidak lagi bersikap lemah sebagaimana petikan sarjana bahawa:-

"..... women in politics are accepted in informal political networks, they deviate from "feminine" rules and norms".²

Sebaliknya, andaikata wanita dapat berfikir, bersuara, dan bertindak sebagaimana kaum lelaki, maka akan dapatlah wanita itu dienggap sebagai ahli politik yang baik dan lebih banyak mereka dapat mempergunakan kuasa politik itu.³

Status Wanita

Kedudukan wanita hari ini boleh dikesan sejak dari permulaan tamaddun. Manusia dahulunya hidup dengan cara memburu dan memungut buah-buahan. Kaum lelaki memburu binatang-binatang, dan kaum wanita mencari serta menungut buah-buah kayu. Manusia mulai memperlihatkan kelebihannya melalui cara menjinakan binatang-binatang yang diburunya serta bercucuk tanam akan tanaman yang dimakannya. Oleh itu, adalah di-terima bahawa, tertakluk kepada peranan yang dimainkan oleh kaum wanita dulu kala sebagai pemungut makanan, wanita adalah bertanggungjawab ke atas ujudnya sistem pertanian.

² Ibid, m.s. 142.

³ Gehlen, Frieda, Women In Congress, Trans-Action, Vol. 6 October, 1969. m.s. 36-40.

Penemuan pertanian merupakan satu revolusi yang paling besar kerana ia menukar cara hidup manusia semenjak zaman manusia proto lagi. Sekarang ini, ujud keperluan untuk mengeluarkan bahan pakaian dan tembikar. Semuanya ini, juga diperbuat oleh wanita, yang menenun pakaian untuk keperluan keluarga dan membentuk bekas-bekas khas untuk simpanan biji-bijian tanaman yang diperolehi dan juga bekas untuk masakan.

Kunci yang paling penting kepada kedudukan wanita dalam mana-mana masyarakat, sama ada yang buta huruf atau berpelajaran, ialah penyertaannya dalam kehidupan yang ber-ekonomi dan pengawalan ke atas harta bendanya. Faktor-faktor ini berkait rapat kepada sistem kekeluargaan sesuatu masyarakat.

Status wanita adalah lebih tinggi dalam masyarakat matrilineal daripada masyarakat patrilineal. Apabila wanita memiliki harta dan mewariskan kepada anak atau saudara perempuannya mereka akan menjadi lebih berpengaruh dan terjamin kedudukannya, bebas bergerak dan bertindak. Tetapi di Tanah Rancangan Bukit Bading, keadaan ini tidak ujud di kalangan wanita-wanitanya. Ini adalah kerana adat yang diwarisinya lebih memberatkan kepada nisab sebelah bapa daripada nisab ibu.

Jilid. 2, No. 10.

Sejarah masa lampau, memperlihatkan status kedudukan wanita, di mana lelaki menguasai wanita, memperlakukan

mereka sebagai harta benda dan menilaikan mereka sebagai berfungsi untuk pembiakan keturunan sahaja. Kedudukan wanita sungguh menyediakan kaum wanita langsung tidak mempunyai hak dan darjat sama sekali, selain dari di bawah genggaman kaum lelaki.⁴

Tetapi Rousseau, salah seorang yang ahli dalam ilmu pendidikan berkata,

"..... jika tangan kanan wanita telah menggoncangkan busiannya, maka tangan kirinya pula akan menggoncangkan dunia".⁵

Ringkasnya, kedudukan taraf atau status kaum wanita adalah sebenarnya tinggi dan mesti ditinggikan sebab kepada mereka letaknya pembangunan dan kemajuan bangsa dan negeri. Sebagaimana kata seorang tokoh negara Eropah iaitu Napoleon Bonaparte; bahawa kebolehan seorang anak itu adalah kesan daripada perbuatan atau asuhan ibunya sendiri.⁶

Wanita di Tanah Rancangan tidak lagi ditindas sebegitu rupa. Malah mereka telah diberi hak yang utama untuk menunjukkan segala kebolehannya di dalam setiap lapangan.

⁴ Ahmad Azam, Jiwa Perempuan, Pulau Pinang, 1953. m.s. 8.

⁵ Ibid, m.s. 10.

⁶ Ibid, m.s. 10; Dan Holtby, W., Women, London, m.s. 117

Contohnya, pihak wanita diberi hak untuk mentadbir rumah-tangga dan hartanya apabila suaminya meninggal dunia. Di atas bahunya dipikul segala tanggungjawab untuk membesarkan dan mendidik anak-anaknya untuk menjadi masyarakat yang berguna. Nampaknya di sini wanita juga sama-sama bergiat dalam kehidupan. Tetapi kenapa dipandong rendah akan kedudukan mereka?

Dari perbualan pengkaji dengan wanita-wanita dirancangan didapati bahawa 63% daripada mereka berpendapat "untuk benar-benar aktif dalam bidang-bidang ekonomi dan politik, wanita harus berdiri dan bergerak bersama kaum lelaki". Dan jumlah selebihnya iaitu 37% daripada wanita mengatakan "Peranan Wanita yang utama ialah menjaga rumah tangga dan keluarganya, tidak lebih dari itu".

Apakah perangkaan besar di atas masih mempertahankan kenyataan dan pendapat, bahawa kedudukan wanita hanya untuk pembiakan keturunan dan harus berada di bawah penguasaan lelaki?.

Penjelasan kepada persoalan di atas hanya dapat dijawab oleh kalangan generasi muda yang mempunyai pendidikan dan sama-sama bergerak ke arah kemajuan sekarang ini.

Begitu juga, dari hasil kajian didapati wanita-wanita di rancangan mempunyai keupayaan dan kemahiran untuk berniaga secara kecil-kecilan. Mereka turut sama membantu

suami mencari nafkah yang halal di rancangan. Ada pula yang sana-sana memasuki ladang dan berhempas pulas mengerjakan ladang itu di samping suaminya. Untuk apa dikorbankan masa dan tenaganya? Ya, sudah tentu untuk membuktikan kebolehan-nya, untuk mencapai satu taraf yang sama dengan suaminya. Tinggal lagi, wanita-wanita itu tidaklah segagah kaum lelaki untuk mengeluarkan tenaga bagi mengerjakan kerja-kerja berat.

Memang banyak bukti-bukti lain yang telah dibin-cangkan dalam bab-bab yang lepas. Perlu diketahui bahawa, hidup wanita bukanlah untuk dirinya sendiri, tetapi ialah untuk menjadi pasangan kepada saudaranya iaitu kaum lelaki. Oleh itu kehidupan wanita adalah dinamakan hidup bersuami dan se-luruh jiwa mereka adalah untuk menjadi isteri serta berkeluar-ga. Kaum wanita juga mempunyai tanggungjawab yang berat yang harus dipikulnya. Dan dari sinilah sahaja letaknya ketinggi-an darjah hidup mereka yang sebenarnya. Sebab itulah sangat-sangat dituntut kepada kaum lelaki supaya bertimbang rasa terhadap wanita dan janganlah meletakkan satu-satu paksaan kepada mereka.

Women should have an equal role with men in running business,
Wanita Dan Politik and government.

Tahun 1975 adalah Tahun Wanita Antarabangsa seba-gai penghormatan kepada semua kaum wanita di Malaysia, khas-nya dan seluruh dunia amnya. Dan dari tajuk perbincangan: Wanita dan Politik, maka adalah lebih baik dilihat dengan

teliti peranan wanita sejak mula di tanah rancangan.

Sejak tanah rancangan dibuka, bahan fikiran tentang rancangan pembangunan hanyalah datang dari pihak kerajaan. Pembentukan tanah rancangan ini tidak mendapat saingan dari pihak swasta lainnya. Kalau ada pun cuma pembukaan tanah rancangan yang diselenggarakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan di bawah pimpinan Parti PAS.⁺ Dan adalah langkah pertama dari kerajaan untuk memperbaiki nasib kaum wanita khasnya dan rakyat miskin amnya.

Selepas negara kita mencapai kemerdekaan jelas kelihatan kegiatan wanita di dalam bidang politik. Ini ber sesuaian dengan hak-hak dan kebebasan yang diberikan kepadanya, yang sama dengan hak-hak kaum lelaki dalam politik dan tanggungjawab terhadap tanah airnya. Dengan demikian sudah sewajarnya, kaum wanita diberi hak yang sama dengan kaum lelaki dan berhak pula bergiat dalam parti politik dan organisasi-organisasi umum, di mana kemudiannya ia dapat memberikan suaranya untuk kepentingan tanah air.

"..... women should have an equal role with men in running business, industry and government....."⁷

Jika dulu kaum wanita berjuang untuk mempertinggi-

⁷ Giele, J. Zollinger., Women And Future, The Free Press, New York, 1978. n.s. 52.

⁺PAS - Ringkasan kepada Parti Islam Semenanjung.

kan kedudukannya di tengah-tengah masyarakat" that females are less active in politics than men,⁸ maka kini adalah pula menjadi kewajipannya untuk mempartinggi-kan darjat bangsa tanpa mengira sama ada kaum lelaki atau wanita. Dewasa ini wanita memasuki arena politik bukan seba-gai wanita di dalam parti tetapi sebagai individu, dengan ti-ada memandang jenis.

Di Tanah Rancangan Bukit Badung, Wanitanya turut aktif di dalam politik. Mereka sedikit pun tidak mengindah-kan cemuhan orang ramai di sekitarnya. Penglibatan mereka di dalam arena politik bermula ketika berada di kampung asal lagi. Ketika itu wanita-wanita Tanah Rancangan atau peneroka-wati mempunyai parti-parti politik pilihan sendiri seperti PAS atau UMNO (BN)⁹. Dan apabila mereka berpindah memasuki Tanah Rancangan, maka corak politiknya pun juga turut berpin-dah. Dan sekarang boleh dikatakan hampir 100% wanita rancang-an ini memilih UMNO (BN) sebagai parti politik mereka.

Ada beberapa sebab yang mengujudkan keadaan demikian. Seperti diterangkan dalam Bab II, pemilihan peserta adalah berdasarkan syarat-syarat yang ditentukan. Walaupun syarat politik tidak termaktub di dalam Perkembangan LKTP

⁸ Ibid, m.s. 51

⁹ Merujuk kepada Barisan Nasional. Ungkapan UMNO lebih lazim digunakan di sini.

(Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan), tetapi ia merupakan asas kemasukan dan pilihan ke tanah rancangan. Tujuan dijalankan syarat-syarat demikian adalah kerana semasa pilihanraya nanti kawasan tanah rancangan ini akan memberikan peratus sokongan yang diharapkan oleh kerajaan Barisan Nasional (UMNO). Justeru itu kerajaan Barisan Nasional mengeluarkan berjuta-juta ringgit untuk kepentingan rakyatnya.

Selanjutnya, mana-mana peserta yang didapati menyokong parti pembangkang akan di 'pulau' atau di masa pemilihan ia disingkirkan dari senarai nama-nama yang dipilih. Maka dengan terpaksa, peserta-peserta yang miskin dan tidak mempunyai tanah terpaksa menukar parti dan menyokong parti kerajaan iaitu Barisan Nasional, demi menjaga kepentingan diri dan keluarga mereka.

Dalam membuat penentuan menceburkan diri dalam
lapangan plotik, wanita rancangan biasanya mengikuti langkah-
langkah yang ditauladankan oleh suami mereka. Begitu juga di
dalam memahami ideologi politik. Baik suami maupun si isteri
mempunyai fahaman atau ideologi politik yang sama di mana
mereka akan membincangkan perkara tersebut bersama-sama untuk
mengetahui latarbelakang sesebuah parti politik. Sebab itu
jarang berlaku perselisihan pendapat antara mereka mengenai
ideologi politik.

Apakah di dalam memasuki arena politik ini wanita

sudah mempunyai kesedaran yang masak atau sebaliknya berperanan hanya sebagai alat sahaja? Dilihat kepada struktur famili, rumah tangga adalah sebuah unit politik kecil yang dianggotai oleh ahli-ahli keluarga itu. Sekiranya di dalam arena politik tersebut, wanita merupakan orang kedua yang menjayakan sebuah rumah tangga, sudah tentu pula wanita dapat menjadi tulang belakang politik dalam negaranya.

Kenyataan ini dapat dibuktikan oleh sikap wanita rancangan yang terus bergiat di lapangan politik. Dalam pilihanraya yang telah diadakan selama ini, sokongan yang kuat telah diberikan kepada calon-calon yang berkenaan. Wanita-wanita rancangan telah sama-sama memutuskan siapakah yang harus mewakili mereka dalam pentadbiran. Ini menunjukkan mereka sedar sekarang, meskipun mereka itu buta huruf dan tidak mengenali siapakah dan berapa ramaikah Menteri Wanita dalam Kabinet Malaysia.

Mengikut keterangan yang diberikan oleh Setiausaha GPW, setakat ini belum ada perselisihan faham antara penerokawati dengan Pegawai Rancangan bersabit dengan masalah politik. Suara-suara yang dikemukakan oleh wanita Tanah Rancangan semuanya mendapat persetujuan pihak Lembaga Tanah Rancangan. Satu daripada contoh yang didapati ialah pembinaan semula bangunan GPW dan Dewan Serbaguna Rancangan. Ini pun atas dasarkan kaum wanita yang disokong oleh Menteri Besar Trengganu.*

*Sokongan daripada Menteri Besar Trengganu diperolehi semasa beliau mengadakan lawatan ke Tanah Rancangan Bukit Badung.

Harus juga diketahui bahawa 18% daripada penerokawati yang melibatkan diri dalam politik cuma setakat memberi sokongan moral sahaja. Malah boleh dikatakan penglibatan mereka secara langsung tidak ada. Apa yang menjadi tujuan sebenar penerokawati ialah aspek politik digunakannya sebagai batu loncatan untuk mencapai kehendak dan matlamat mereka, 44% siap "berkecuali" penduduk minoriti Bukit Bading ini jelas dilihat dari perbualan pengkaji mengenai kerajaan pimpinan BN dan PAS (Pembangkang) yang menjadi issu penting dalam perang saraf politik negara baru-baru ini. Cuma 38% sahaja dari jumlah responden yang ditemui (80) melibatkan diri secara langsung dalam bidang politik. Minat mereka untuk mengambil tahu atau sekurang-kurangnya ingin tahu maksud dan tujuan politik tidak ada. Penerokawati-penerokawati ini lebih tertarik kepada aspek material di mana dengannya mereka dapat berusaha untuk mencari nafkah bagi keperluan mereka sekeluarga.


Struktur Kepimpinan Wanita (Penerokawati)

Pengkaji telah menerangkan corak politik wanita yang terdapat di rancangan. Dalam tajuk kecil ini, pengkaji ingin pula membicarakan tentang struktur politik wanita di rancangan tanah Bukit Bading, dengan melihat siapakah yang menjadi pemimpin wanita di kalangan penerokawati-penerokawati itu.

dan tiap-tiap satu peringkat mempunyai seorang wakil yang memegang jawatan penting dalam GPW iaitu Pengurus, Penolong Pengurus, Setiausaha dan Bendahari. Mereka bertanggungjawab dalam segala masalah atau krisis yang timbul di kalangan penerokawati-penerokawati.

Penolong Pengurus

Dalam keempat-empat peringkat itu Peringkat III adalah yang paling besar dan ramai penduduknya. Peringkat-peringkat tersebut dibahagikan pula kepada beberapa bahagian dipanggil Blok. Dan setiap Blok ini mempunyai seorang Penyelia yang bertanggungjawab menjalankan kegiatan-kegiatan di kawasan masing-masing.



Notes: Rajah diatas merupakan daripada Projek Nasi Rumah.

Demikian menurut Balit Banting.


Kesimpulan Dibentuk Persekutuan

Struktur-jurutera dalam tahanan ini terletak pada bahan Kertas-Kertas Peringkat, juga merupakan sebagai ahli Jemaah Terkinggal di dalam persekutuan GPW. Untuk mengawang jemaah ini, segerang itu disebutkan berikut-sabtu manakala pilihannya bukan mencampur, di mana selain pilihannya ini mereka

Rajah VI :- menunjukkan Struktur Kepimpinan Wanita Rancangan, Bukit Badung.

Bahagian Peringkat

Bahagian Blok



Nota: Rajah di atas diperolehi daripada Pejabat Hal Ehwal Wanita, Rancangan Bukit Badung.

Kepimpinan Bahagian Peringkat

Tanggungjawab dalam bahagian ini terletak pada bahu Ketua-Ketua Peringkat, juga merangkap sebagai Ahli Jawatan Tertinggi di dalam pergerakan GPW. Untuk memegang jawatan ini, seseorang itu dimestikan terlebih dahulu memasuki pilihanraya kecil rancangan, di mana melalui pilihanraya ini mereka

akan dicalonkan mengikut kiraan undi yang terbanyak.

Ketua Peringkat ini komidiannya ditauliahkan oleh Lembaga dan diberi tanggungjawab mewakili penerokawati dalam hal-hal yang berkaitan antaranya dengan Lembaga. Dengan itu kedudukannya adalah merupakan sebagai "broker" yang menghubungkan penerokawati dengan Lembaga. Mereka telah diberi kuasa dan kewibawaan seperti mana juga Pengurus Rancangan.

Di bawah ini disenaraikan dengan ringkas kuasa dan tanggungjawabnya yang diamanahkan oleh pihak Lembaga Tanah Rancangan.

* Beliau harus mempunyai hubungan rapat dengan ahli-ahlinya.

* Beliau mesti memberikan perhatian dan mengambil berat tentang perkembangan kesihatan dan ekonomi kawasannya.

* Terus menggiatkan dan memajukan Gabungan Pergerakan Wanita untuk mencapai matlamat yang dituju.

* Cuba memberi tunjuk ajar dan menasihati ahli untuk memperbaiki kedudukan dan membangunkan keluarga peneroka khasnya dan masyarakat rancangan amnya.

* Menyusun beberapa kegiatan berfaedah dan

menjaga kepentingan dan kebaikan

penduduk terutama penerokawati sendiri.^{*}

Ketua Peringkat akan membuat lawatan atau menemui ahli-ahlinya tiap-tiap seminggu. Segala kesulitan dan masalah yang dihadapi akan disampaikan kepadanya melalui Ketua Blok. Tetapi keseluruhannya, beliau jarang-jarang mempunyai hubungan secara langsung dengan ahli-ahlinya dan kerana alasan ini beliau menyampaikan segala arahan melalui Ketua-Ketua Blok. Faktor yang penting menyebabkan keadaan ini ialah kadar bilangan penduduk sesuatu Peringkat itu begitu besar sehingga menyulitkan kawalan dan kerumitan menemui ahli-ahlinya seorang demi seorang.

Kebiasaananya, seorang Ketua Peringkat yang dicalonkan ke jawatan tersebut berasal dari individu-individu yang mempunyai kedudukan yang agak baik. Misalnya dari jumlah 16 orang yang biasa menjawat jawatan Ketua Peringkat, 2 daripada mereka (12.5%) mempunyai pengaruh dalam bidang politik di suatu masa dulu di kawasan itu. Juga 9 orang (56.3%) daripada mereka mempunyai kewangan yang stabil dan orang ramai di sekelilingnya akan memandang tinggi terhadapnya. Tambahan pula 3 orang daripada bekas Ketua Peringkat itu (18.7%) mempunyai anak-anak yang melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat pengaji-

*Keterangan Kerani, Pejabat Hal Ehwal Wanita, Tanah Rancangan Bukit Bading.

an tinggi. Semuanya ini akan meninggikan tarafnya dan mudah mendapat pengaruh dari ahli-ahlinya.

Terdapat peristiwa di mana dengan pengaruh yang dipunyai oleh seorang Ketua Peringkat itu, ia dicalonkan ke jawatan tersebut sebanyak 3 kali berturut-turut (12.5%).

Ketua Peringkat juga, selain daripada tugas-tugas tadi, mempunyai kuasa untuk meminta kerjasama para penerokawati mengerjakan kerja-kerja gotong royong di rancangan. Oleh kerana mereka dihormati dan disegani di rancangan maka Ketua Peringkat juga seolah-olah menjadi 'Pegawai SDA' di dalam Peringkatnya. Dalam masa yang sama, selain dari bergiat sebagai pemimpinan, mereka juga merupakan seorang isteri dan penerokawati di dalam Rancangan Kemajuan Tanah. Dengan itu jelas peranan yang dimainkannya sebagai Ketua Peringkat hanyalah:-

"serving mainly as an instrument for the FELDA administration".⁹

Kepimpinan Bahagian Blok

Ketua-Ketua Blok merupakan wakil kepada Ketua-Ketua Peringkat, di mana dengan kewibawaan mereka sebagai Ketua Blok, mereka bertanggungjawab ke atas kebijakan ahli-ahli dalam Blok masing-masing. Mereka dipilih berdasarkan pencalonan dari

⁹ Wan Hashim, A Malay Peasant Community In Upper Perak, UKM, Selangor, 1978. m.s. 74.

penduduk-penduduk Blok itu sendiri. Pencalonan dibuat semasa perkumpulan wanita memilih ahli-ahli untuk memegang jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa Kecil Pergerakan GPW.

Tempoh memegang jawatan ini adalah terhad iaitu 2 tahun setiap kali. Dengan cara ini maka setiap penerokawati berpeluang memegang jawatan Ketua Blok dan AJKK untuk mencari pengalaman mentadbir dan menguruskan kerja-kerja kebijikan. Seseorang Ketua Blok Wanita adalah juga bebas untuk meletakkan jawatan sekiranya beliau rasa tidak mampu memikul tanggungjawabnya itu, ataupun sekiranya beliau tidak lagi disegani oleh anggota-anggota Bloknya. Terdapat 2 orang bekas Ketua Blok Wanita yang memegang jawatan ini lebih dari 3 tahun sebelum meletak jawatan. Ini disebabkan oleh kebijaksanaan dan keikhlasan mereka menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan oleh ahli-ahli yang memilih kedua-dua mereka itu. Tambahan pula kedua-dua bekas Ketua Blok ini mempunyai latarbelakang yang baik. Salah seorang daripada mereka pernah mengikuti kursus pentadbiran dan kepimpinan yang diselenggarakan oleh KENAS di Kuantan dan Temerloh..

Dibawah pimpinan Ketua Blok ialah Ahli Jawatankuasa Kecil, yang bertanggungjawab ke atas fungsi-fungsi tertentu seperti kesihatan, ekonomi, adat resam dan keugamaan. Semasa hendak diadakan kerja-kerja membersihkan kawasan dan tanah perkuburan, Ketua-Ketua Blok dengan dibantu oleh AJKKnya akan mempengaruhi penerokawati untuk memberikan kerjasama mereka.

Begitulah juga dengan lain-lain upacara seperti kenduri-kenduri, perayaan Maulud Nabi dan sambutan ke atas lawatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Trenggenu dan Menteri Besar, di mana Ketua Blok akan menjadi pengasasnya. Lain-lain kesudahan yang diperlukan oleh peserta-peserta wanita rancangan seperti Dewan Orang Ramai, modal perniagaan, dan kelas-kelas untuk orang-orang dewasa akan disampaikan kepada Ketua Blok. Dan melaluiinya, secara formal atau informal akan disampaikan pula kepada Ketua Peringkat di mana perkara ini akan di ketengahkan kepada pihak Lembaga yang berhak memberikan keputusan mengenai kebijilan rancangan itu. Sekiranya permohonan itu diluluskan, maka kelulusan itu akan disampaikan melalui Pegawai SDA.

Seseorang Ketua Blok tidak semestinya seorang yang dikenali ramai di dalam Blok itu. Tingkat penghormatan ke atasnya bergantung sepenuhnya kepada kualiti kepimpinan yang dimiliki oleh Ketua Blok itu sendiri. Terdapat peristiwa yang berlaku di mana Ketua Blok telah bertentangan pendapat dengan anggota Bloknya. Penduduk-penduduk Blok itu mengharapkan Ketua Blok mereka supaya membuat cadangan permohonan kepada pihak Lembaga agar membekalkan sumber letrik ke rancangan. Sebaliknya Ketua Blok itu mengenepikan cadangan ahli-ahlinya dengan memberi jaminan bahawa bekalan letrik akan disediakan oleh pihak Lembaga tidak lama lagi. Akibat daripada keputusan yang dibuat oleh Ketua Blok itu. Beliau telah kehilangan pengaruh di kalangan anggota-anggota Bloknya.

Corak politik moden telah memperlihatkan perubahan secara perlahan di dalam sikap masyarakat wanita rancangan ke arah yang lebih baik dan teratur. Sebelumnya, wanita-wanita rancangan hanya didedahkan kepada corak politik dan kepimpinan tradisional. Tetapi dengan pengenalan proses demokrasi di Malaysia, masyarakat Tanah Rancangan Bukit Bading telah berpeluang untuk mencalonkan pemimpin-pemimpin baru mereka yang sesuai dengan kehendak-kehendak mereka melalui prosedur "one-man-one-vote".

Proses sosialisasi politik di kalangan wanita-wanita rancangan atau penerokawati telah membuat mereka bertambah sedar akan kepentingan peranan dan kuasa mereka di dalam rancangan khasnya dan negara umumnya. Kesan lain yang datang dari pengenalan proses demokrasi ini ialah masyarakat tanah rancangan telah diserapkan ke dalam komuniti politik nasional. Melalui wakil-wakil rancangan dan Lembaga, mereka dihubungkan dengan pemimpin-pemimpin peringkat Negeri dan Negara umumnya, iaitu Menteri Besar dan Menteri-Menteri Kabinet Malaysia. Oleh itu, adalah pula menjadi tanggungjawab pemimpin-pemimpin ini untuk mengambil berat dengan sepenuhnya akan kemajuan ekonomi dan kebijakan rakyatnya, terutama masyarakat tanah rancangan keseluruhannya. Atas kehendak golongan inilah pemimpin-pemimpin itu dapat memegang kuasa yang mutlak.

BAB VI

KESIMPULAN

Penyertaan wanita dalam Tanah Rancangan dan pembangunan negara secara tidak langsung bermula dengan tertubuhnya Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Sungguh pun RKT itu merupakan suatu rancangan penempatan yang baru namun struktur kehidupan penduduk-penduduk Tanah Rancangan itu tetap juga bergiat di dalam lapangan pertanian, khasnya rancangan pembangunan luar bandar. Pada masa sekarang rancangan tanah merupakan salah satu daripada rancangan-rancangan pembangunan kerajaan yang menjadi saluran bagi penyertaan kaum wanita dalam bidang ekonomi, politik dan sosial. Penglibatan mereka dalam Tanah Rancangan ini hanyalah secara tidak langsung di mana mereka mengikuti suami mereka menerokai kawasan Rancangan bagi menjalani kehidupan baru.

Sebagai seorang wanita yang mempunyai tanggungjawab ke atas rumah tangga dan keluarga, mereka juga mempunyai objektif yang utama; iaitu ingin menunjukkan keupayaan dan kebolehan mereka sebagaimana kemampuan kaum lelaki. Mereka berkeinginan untuk mencapai taraf yang sama dengan pihak lelaki, sanggup memikul tanggungjawab yang berat dan juga menghadapi cabaran.

Kegiatan-kegiatan wanita Tanah Rancangan ini dimanifestasikan dalam beberapa cara seperti:-

- a.) Penyertaan wanita di dalam bidang ekonomi

seperti penglibatan wanita di dalam perniagaan.

- b) Penyertaan di dalam bidang sosial seperti kesihatan, keugamaan, kelas-kelas pendidikan untuk kanak-kanak dan orang-orang dewasa, kelas urusan rumah tangga, kerjatangan dan sebagainya di bawah anjuran GPW.
- c) Pihak wanita juga melibatkan diri di dalam kegiatan politik rancangan dan negara di mana dengan hak mengundi mereka dapat menentukan siapakah yang harus menjadi pemimpin.

Kegiatan-kegiatan ini melambangkan kepentingan pada kaum wanita yang juga berperanan secara tidak langsung dalam pembangunan negara. Tambahan pula kegiatan-kegiatannya dalam lapangan sosial menjadi satu tenaga di mana melaluiinya kaum wanita mempunyai keanggotaan yang besar di dalam tanah rancangan. Sebaliknya kegiatan mereka di dalam arena politik tidak begitu cergas, berbentuk sementara sahaja, iaitu kegiatan ditunjukkan dalam masa pilihanraya, baik pilihanraya kecil rancangan maupun pilihanraya di peringkat negeri atau negara. Penglibatan itu hanya dilihat dalam satu jangka masa yang tertentu.

Kegiatan-kegiatan sosial diadakan oleh kaum wanita (GPW) supaya:-

- a) Mereka merasa sebahagian daripada organisasi penduduk di rancangan dan yang ada. Dengan itu dapatlah pula memberi sumbang dan khidmat mereka kepada masyarakat juga dapat dilihat daripada kualiti-kualiti yang berikut.
- b) Kegiatan sosial itu dijadikan sebagai strategi untuk menarik lebih ramai lagi kaum wanita agar menjadi ahli dan pada masa yang sama memainkan peranan dalam memberikan pelajaran dan kesedaran ke dalam hidang pada ahli-ahlinya.

Melalui gerakan persatuan seperti GPW, wanita di RKT ini menyertainya bukan kerana ingin bergiat secara langsung ke arah kegiatan-kegiatan sosial yang dijalankannya. Di samping itu ada pula sebahagian daripada kaum wanita di RKT menyertainya disebabkan oleh keadaan sekeliling yang berkehendakkan mereka berbuat demikian. Misalnya, dilihat dari aktiviti-aktiviti keugamaan, anggota-anggotanya terpaksa menunjukkan diri dalam aktiviti itu seperti ceramah ugama, gotong royong membersihkan tanah kubur dan lain-lain untuk menghindarkan cemuhan daripada masyarakat. Dengan itulah juga pertubuhan GPW mempunyai jumlah ahli yang ramai.

Dalam bidang kepimpinan di kalangan wanita-wanita RKT, pertandingan tidak begitu dinamik dan bersaingan seperti di dalam parti-parti politik. Tidak ada pertandingan untuk

jawatan-jawatan pemimpin. Lalu terdapatlah corak pimpinan yang berulang-ulang di mana pucuk pimpinan itu dipimpin oleh orang yang sama. Ini memperlihatkan bahawa kaum wanita di RKT tidak mempunyai pemimpin yang ramai dan berkebolehan. Contoh pada ini juga dapat diperhatikan akibat daripada konflik-konflik yang berlaku di kalangan kaum wanita. Pemimpin-pemimpin itu tidak dapat menyatukan masyarakat wanitanya ke dalam satu perpaduan yang unik. Contoh yang lain ialah pemimpin itu terdiri dari golongan yang mempunyai pengaruh sama ada kekayaan (56.3%) pendidikan ugama dan status keluarga (18.7%) atau pun pengaruh dalam bidang politik (12.5%). Begitu juga dengan pengaruh pimpinan yang dipunyai oleh seorang wanita (12.5%), di RKT ini.

Hasil daripada kajian yang dilakukan didapati wanita-wanita RKT ini tidak mempunyai kebebasan untuk membuat keputusan. 'Decision-Making' di kalangan mereka tidak begitu jelas. Segala keputusan untuk melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan sosial dan politik dikongkong oleh norma-norma dan nilai-nilai masyarakat. Bagi mereka segala aktiviti-aktiviti itu mesti diselaraskan dengan unsur-unsur keugamaan. Sebagai buktinya, keputusan mereka untuk mempraktikkan 'perancang keluarga' disekat oleh pihak suami yang menggunakan ugama sebagai alasannya. Begitu juga di dalam arena politik, wanita hanya dibolehkan mengundi semasa pilihanraya sahaja. Tetapi apabila mereka ingin menceburkan diri secara langsung maka faktor adat menjadi penghalangnya. Dikatakan wanita hanya

sedia bergiat di dalam politik rumah tangga sahaja dan tidak dalam politik negara.

Ini mungkin disebabkan mereka ini datang dari latarbelakang yang sama iaitu masyarakat desa, dan juga mempunyai tingkat pelajaran dan pengalaman yang sama. Dengan itu juga maka ujudlah sikap 'acoh tak acoh' dalam kegiatan-kegiatan pembangunan Tanah Rancangan. Hanya yang jelas dilihat penglibatan secara langsung ialah dari segi ekonomi, di mana dalam membuat keputusan pihak wanita diberi kebebasan untuk berniaga bagi menambahkan pendapatan keluarganya.

Kesimpulannya, daripada gambaran dan corak kegiatan yang mereka jalankan didapati satu keadaan di mana aktiviti-aktiviti itu berkemungkinan merupakan satu tugas yang terkeluar dari tanggungjawab yang normal oleh kaum wanita. Sebaliknya atas desakan hidup yang menghimpit dan atas dasar pembangunan maka segala kegiatan yang dijalankan itu tidak dapat dianggap terkeluar dari peranannya sebagai seorang wanita atau suri rumah tangga di dalam Rancangan Kema Juan Tanah.

Bantuan Jurnal Sosial Politik dan Ilmu Pengetahuan Sosial, Jurusan Sosial
Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Komunikasi, Universitas Indonesia 1964.

Priyono, Mardiyati, The Changing Social Position of Women In Java, Yogyakarta
1970.

BIBLIOGRAPHY

- Middleton, Dorothy, An Introduction To Social Stratification, G. Allen & Ahmed Azam, Jiwa Perempuan, Persama Press, Pulau Pinang, 1958
- Anis binti Sabirin., Peranan Wanita Baru, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1969.
- Azizah binti Kassim., Kedudukan Wanita Di dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih Negeri Sembilan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969.
- Burgess, E.W., & Locke, H.J., The Family; from institution to companionship, American Book Co., New York. 1963.
- Casgrain, Therese P., A Woman In A Man's World, Mc Clelland & Stewart Ltd., Toronto, Canada 1972.
- Cohen, Percy S., Modern Social Theory, Heineman Educational Books, London. 1968
- Cue, Magdalena Alonso-Villalba., The Mission Of Women; a return to their original role, University of Santo Tomas, Manila, Phillipine, 1975.
- Festinger, L. & Katz, D., Research Methods In The Behavioural Sciences; Holt, Rinehart & Winston, New York. 1953.
- Goode, W., & Hatt, P., Methods In Social Research, Mc Graw Hill, New York. 1952.
- Huber, Joane, Changing Women In A Changing Society, University of Chicago Press, Chicago. 1973.
- Hunt, Chester L., Social Aspects of Economic Development, Mc Graw Hill, New York, 1966.
- Irene Tinker & Michele Bo Bransen., Women And World Development, Overseas Development Council, Washington, D.C., 1976.
- Khera, Harcharan Singh., The State And Peasant Innovation In Rural Development; the case of FELDA oil palm schemes, Persatuan Ekonomi Malaysia, Kuala Lumpur 1974.

Koentijaroeningrat., Masyarakat Desa Di Indonesia Masa Ini, Jajasan Badan Penerbit Fakultas Ekonomi, Universitas Indonesia 1964.

Koyama, Takashi., The Changing Social Position of Women In Japan, UNESCO (PARIS), 1961.

Littlejohn, James., An Introduction: Social Stratification, G. Allen & Unwin Ltd., London 1972.

Malaysia, The Land Development Ordinance 1956, Cetakan Kerajaan, Kuala Lumpur 1956.

Malaya, Report of the Land Settlement Working Committee, Cetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1956.

Nazidah Haji Zakaria & Nik Safiah Karim., Women In Development: the case of an all-girls youth land development scheme in Malaysia, Kertas Kerja Kongres Antarabangsa menganai Sains Antropologi dan Etnologi, di New Delhi, 1978.

Mohd Noor Haji A. Rahman., Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan: Peryesuaian Sosial Dan Ekonomi di Rancangan Kemajuan Tanah, Bukit Badung, Trengganu, Latihan Ilmiah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974.

Montiel, Christina., The Filipino Women : Her Role And Status In Phillipine Society, Institute of Phillipine Centre, Quezon City, 1976.

Myrdal, Alva., Women's Two Role : Home And Work, Routledge & K. Paul, London 1968.

Newland, Kathleen., Women In Politics : A Global View, Worldwatch Institute, Washington, D.C., 1975.

Rosaldo, Michelle Zimbalist., Women, Culture And Society, Ed. by Michelle Zimbalist Rosaldo and Louise Lamphere, Stanford University Press, California, 1974.

Safilios - Rothschild, Constantina., Women And Social Policy, Prentice-Hall, New Jersey, 1974.

Salmah, al-Ustazah., Wanita Tanah Ayer, Lembaga Persuratan Bahasa Melayu, Sahabat Press, Aloc Setar 1951.

seminar wanita Malaysia Masa Kini Peringkat Kebangsaan, Utusan Malaysia, Kuala Lumpur, Keluaran : 6.3.1979, 12.3.1979 & 15.3.1979.

Smith, R.T., Comparative Structure, Encyclopaedia of Social Science, Vol.5, No.5. 301.

Suwondo - Surasno, Nani., Kedudukan Wanita Indonesia Dalam Hukum Dan Masyarakat, Timun Emas, Jakarta, 1955.

Wolfe, Helen Bickel., Women In The World of Work, University of the State of New York, Division of Research, Albany, New York 1969.